

Volume V
No. 32



Friday
27th December, 1963

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

CONTENTS

THE SUPPLY BILL, 1964:

Committee of Supply (Third Allotted Day)—

Heads S. 12, S. 65B, S. 65C, S. 66C and S. 67B
[Col. 3377]

Heads S. 13, S. 65D and S. 67M [Col. 3413]

ADJOURNMENT (MOTION) [Col. 3430]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

Fifth Session of the First Dewan Ra'ayat

Friday, 27th December, 1963

The House met at half-past nine o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' HAJI MOHAMED NOAH BIN OMAR, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P.
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence and Minister of Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' MOHAMED KHIR BIN JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB (Kuantan).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister of Education, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister of Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.D.K. (Sarawak).
- „ the Assistant Minister of the Interior, ENCHE' CHEAH THEAM SWEE (Bukit Bintang).
- „ the Assistant Minister of Labour and Social Welfare, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Assistant Minister of Commerce and Industry, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
- „ the Assistant Minister of Information and Broadcasting, DATU MOHAMED ISMAIL BIN MOHAMED YUSOF, P.D.K. (Jerai).
- „ ENCHE' ABDUL AZIZ BIN ISHAK (Kuala Langat).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K. (Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TOH MUDA HAJI ABDULLAH BIN HAJI ABDUL RAOF (Kuala Kangsar).

- The Honourable TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN MOHAMED SHAH, S.M.J.
(Johor Bahru Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID (Seberang Utara).
- „ ENCHE' AHMAD BIN HAJI YUSOF, P.J.K. (Krian Darat).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ O. K. K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AWANG DAUD BIN MATUSIN (Sarawak).
- „ TUAN HAJI AZAHARI BIN HAJI IBRAHIM (Kubang Pasu Barat).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ DR BURHANUDDIN BIN MOHD. NOOR (Besut).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHAN SWEE HO (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' CHAN YOON ONN (Kampar).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ ENCHE' CHIN SEE YIN (Seremban Timor).
- „ ENCHE' DAGOK ANAK RANDEN (Sarawak).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N. (Kulim Utara).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).
- „ ENCHE' HARUN BIN PILUS (Trengganu Tengah).
- „ TUAN HAJI HASAN ADLI BIN HAJI ARSHAD
(Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ ENCHE' HASSAN BIN MANSOR (Melaka Selatan).
- „ ENCHE' STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' HONG TECK GUAN (Sabah).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN (Raub).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN HAJI KASSIM (Kuala Trengganu Selatan).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN (Sarawak).

The Honourable ENCHE' JHUMAH BIN SALIM (Sabah).

- „ CHE' KHADIJAH BINTI MOHD. SIDEK (Dungun).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Kluang Utara).
- „ ENCHE' LEE SIOK YEW, A.M.N. (Sepang).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' LING BENG SIEW (Sarawak).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM JOO KONG, J.P. (Alor Star).
- „ ENCHE' LIU YOONG PENG (Rawang).
- „ ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ O. K. K. HAJI MAHALI BIN O. K. K. MATJAKIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ ENCHE' MOHAMED BIN UJANG (Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHAMED ABBAS BIN AHMAD (Hilir Perak).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DUN BIN BANIR, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED NOR BIN MOHD. DAHAN (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED HANIFAH BIN HAJI ABDUL GHANI, P.J.K. (Pasir Mas Hulu).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR (Sarawak).
- „ NIK MAN BIN NIK MOHAMED (Pasir Mas Hilir).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ ENCHE' ABANG OTHMAN BIN ABANG HAJI MOASILI (Sarawak).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, J.P. (Rembau-Tampin).
- „ ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
- „ ENCHE' SEAH TENG NGIAB (Muar Pantai).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
- „ ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ ENCHE' SONG THIAN CHEOK (Sarawak).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN SYED HASHIM BIN SYED AJAM, A.M.N., P.J.K., J.P. (Sabak Bernam).

- The Honourable ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
- „ ENCHE' TAN PHOCK KIN (Tanjong).
- „ ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ ENCHE' TAN TYE CHEK (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TENGKU BESAR INDERA RAJA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, D.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DATO' TEOH CHZE CHONG, D.P.M.J., J.P. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' TOO JOON HING (Telok Anson).
- „ PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
- „ ENCHE' V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ WAN MUSTAPHA BIN HAJI ALI (Kelantan Hilir).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
- „ ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
- „ ENCHE' YONG WOO MING (Sitiawan).
- „ PUAN HAJJAH ZAIN BINTI SULAIMAN, J.M.N., P.I.S. (Pontian Selatan).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB (Langat).
- „ ENCHE' ZULKIFLEE BIN MUHAMMAD (Bachok).

ABSENT:

- The Honourable the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Information and Broadcasting, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Minister of Internal Security and Minister of the Interior, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN, J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister without Portfolio, DATO' ONG YOKE LIN, P.M.N. (Ulu Selangor).
- „ the Assistant Minister of Rural Development (Sarawak), ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Sungei Patani).
- „ ENCHE' AHMAD BOESTAMAM (Setapak).
- „ ENCHE' V. DAVID (Bungsar).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' HO SEE BENG (Singapore).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KANG KOCK SENG (Batu Pahat).
- „ ENCHE' K. KARAM SINGH (Damansara).
- „ ENCHE' KHONG KOK YAT (Batu Gajah).

The Honourable ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).

„ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).

„ ENCHE' CHARLES LINANG (Sarawak).

„ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ ENCHE' LIM KIM SAN (Singapore).

„ ENCHE' MOHAMED DAHARI BIN HAJI MOHD. ALI
(Kuala Selangor).

„ ENCHE' PETER J. MOJUNTIN, A.D.K. (Sabah).

„ ENCHE' NG ANN TECK (Batu).

„ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Tanah Merah).

„ ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Barat).

„ ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).

„ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).

„ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).

„ TUAN SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, J.M.N.
(Johor Tenggara).

„ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).

„ WAN YAHYA BIN HAJI WAN MOHAMED, K.M.N. (Kemaman).

„ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).

„ ENCHE' YAHYA BIN HAJI AHMAD (Bagan Datoh).

„ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).

PRAYERS

(Mr Speaker in the Chair)

BILL

THE SUPPLY BILL, 1964

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Third Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 12, S. 65B and S. 65C, S. 66C and S. 67B—

Resumption of debate on question:

That the sum of \$15,364,986 for Head S. 12, the sum of \$81,270 for Head S. 65B, the sum of \$262,430 for Head S. 65C, the sum of \$139,255 for Head S. 66C and the sum of \$463,269 for Head S. 67B stand part of the Schedule.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak (Kuala Langat): *Rises.*

Mr Chairman: I have been informed that the Minister of Agriculture and Co-operatives was speaking yesterday when the House adjourned to today.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: I ask for your permission, Sir.

Mr Chairman: We are in Committee and you can speak after the Minister has finished his speech, unless he allows you to speak first.

Mr Chairman: (*To the Minister*). Do you have any objection? (The Minister indicates "no"). He has no objection. So you can speak.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, tujuan saya bukan hendak menghentam, tidak, saya chuma hendak memberi penerangan. Saya agak Yang Berhormat Menteri Pertanian faham ya'ani dalam Kementerian Pertanian ini ada-lah berbedza dengan Kementerian² yang lain, sebab Kementerian² yang lain ia-lah Kementerian yang membena, membena jalan, mesjid,

jambatan, sekolah dan lain²-nya yang mana mengambil masa sa-lama enam bulan, sa-tahun, atau sa-lewat²-nya sa-tahun sa-tengah sudah siap, tetapi hendak membena satu masharakat, satu keluarga daripada semangat pen-jajahan kapada semangat kemerdekaan, itu mengambil masa yang panjang dan lambat, dan hendak mengkikis pula tabi'at manusia ini lebeh² lagi manusia² yang tinggal di-kampung² bukan-lah mudah. Jadi, saya fikir Yang Berhormat Menteri Pertanian ini faham dan saya pun lebeh faham, kerana lama saya di-situ dahulu. Dan Perdana Menteri selalu mengulang² mengatakan kalau ada rombongan hendak ka-luar negeri, saya-lah terburu² dahulu. Mengang betul, memang daripada mula ia-itu daripada tahun 1955 sa-lepas daripada bulan Ogos, saya telah meng-ambil peluang hendak pergi ka-luar negeri. Apa sebab-nya yang saya hendak pergi, ia-lah saya hendak mengalami ranchangan² di-negeri² dalam Tenggara Asia ini, ranchangan² yang mana di-negeri² yang sudah mer-deka terlebih dahulu daripada kita. Saya bawa-lah pegawai² kanan Kementerian supaya dapat mereka memahami apa ranchangan yang mereka buat, di-mana silap-nya, jikalau sudah silap jangan kita buat lagi; itu-lah maksud-nya daripada mula dahulu saya pergi melawat ka-Indonesia, Siam, India, Philipina, Jepon dan lain². Itu-lah tujuan-nya dan tidak lain daripada itu dan bukan saya pergi melanchong, tidak. Saya pergi dengan pegawai² kanan—Pegawai Haiwan, Pegawai Perikanan, Pegawai Pertanian, Pegawai Sharikat Kerjasama dan lain². Ini adalah nyata dan dalam ucapan² saya dahulu, tiap² tahun dalam persidangan budget saya telah berchakap ber-kajang² kertas berjam² lama-nya itu juga-lah, dan jikalau Ahli² Yang Berhormat dalam Majlis ini semak balek ucapan² itu, ada semua-nya. Jadi, hendak membena nasib, mithal-nya hasil padi pada tahun 1955 padi kita pukul rata satu ekar ada-lah mengeluarkan sa-banyak 280 gantang, tetapi pada tahun 1963 sudah meningkat menjadi sa-banyak 480 gantang lebeh kurang. Saya sekarang tidak-lah ada anggaran angka yang tepat pada saya, hanya apa yang saya ingat sahaja, saya

fikir saya ingat. Dan saya fikir itu semua kemajuan, dan juga hendak mengubah itu susah, pa² tani dan nelayan² itu bukan mudah—mereka degil—hendak mengubah, tetapi per-lahan² chara² ranchangan yang terat, kita pinda, aleh dan sa-bagai-nya yang mengambil masa juga. Ini menunjukkan satu² dasar yang di-jalankan itu hendak-lah di-teruskan. Saya sukachita oleh kerana ranchangan yang di-jalankan dahulu hampir 90 peratus yang di-jalankan terus. Oleh kerana kalau kita batalkan, gantong-kan dan kita buat pula ranchangan baharu itu hendak mengambil pengalaman baharu pula—4-5 tahun pula. Siapa yang rugi? Ra'ayat yang rugi. Saya faham-lah ya'ani sekarang ini saya dukachita sedikit atas satu perkara—perkara kita ahli² dalam Majlis Meshuarat ini, terutama sa-kali dari Larut Selatan, kalau saya tidak salah, yang selalu menyebut hal telur dua biji dan sa-bagai-nya itu. Macham², dia kata ayam 'ajaib, mana dia? Perkara itu saya harap Menteri Pertanian hari ini jawab

Enche' Tajudin bin Ali (Larut Utara): Larut Utara!

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Larut Utara. Terima kaseh. Larut ada-lah kawasan saya, tetapi kadang² terlupa. Jadi kalau-lah mithal-nya tengok balek, saya tidak tahu, masa di-buka Pusat Penyelidikan Ayam di-Johor Baharu tahun 1962, ayam 'ajaib itu sudah banyak, telur-nya pun 'ajaib juga, tetapi berapa banyak sekarang yang bertambah yang sudah di-hantar ka-luar negeri itu, yang saya kata sa-ekor ayam boleh mengeluarkan 260 biji telur sa-tahun itu ada-kah lagi, tetapi kalau tidak selideki dan kalau tidak tahu, tentu-lah tidak tahu.

Jadi perkara yang mustahak-nya kalau kita menambah padi, mithal-nya, bertambah daripada 280 gantang kepada 480 gantang, ayam kita biakkan berjuta² ekor tetapi pasaran kita tidak di-uruskan. Jadi dengan penat sahaja pa' tani dan nelayan² kita jika pasaran itu tidak di-ranchangkan dengan ter-ator, dan kita takut pula kalau-lah mithal-nya pasaran itu di-jalankan,

jadi orang lain pula susah. Negeri ini kaya!—negeri ini kaya, chukup makanan untuk semua orang, tetapi bidang kampong dan luar bandar tentulah ada dan mesti kita hadkan. Jadi kalau kita tidak buat begitu sia² sahaja-lah. Kalau kita bagi untuk semua orang maharaja-lela masok sana-sini ikut suka, tidak ada terator pasaran, jika sakali pun kita naikkan 1,000 gantang padi pukul rata, pa' tani tidak dapat nikmat dan keuntongan kapada mereka sendiri tidak ada. Inilah tujuan kita.

Dan lagi satu saya hendak tanya ia—itu dahulu kita hendak menambah beras supaya chukup. Mula² saya dalam Kementerian dahulu lebeh kurang ada 300 jenis padi yang ditanam di-Kedah, Kelantan, Perak, masing² lain jenis. Jadi sampai ada 350 atau 400 jenis saya sudah lupa. Tujuan kita hendak menetapkan jenis padi supaya sadikit dan sa-rata dan boleh mengeluarkan hasil yang banyak. Saya tidak tahu ada-kah itu sudah di-jalankan sekarang atau tidak. Pada ingatan saya 130 jenis tinggal atau pun 128 lebeh kurang. Ini saya hendak tahu.

Sekarang saya hendak berchakap Bahagian Haiwan. Nasib baik Menteri Pertanian sekarang ini orang Kedah, dan Ketua² Jabatan dua orang Kedah, Jabatan Haiwan pun orang Kedah, Jabatan Pertanian pun orang Kedah. Jadi dia dapat kerja senang sahaja, dia dapat sokongan. Saya dahulu pun dapat sokongan juga. Sunggoh pun saya bukan orang Kedah, tetapi saya dapat sokongan daripada orang Kedah. Jadi saya fikir dia lebeh senang. Jadi saya hendak tahu berkenaan dengan baka kambing. Pada tahun 1955 masa saya bersama² dengan Perdana Menteri melawat Indonesia dalam Rombongan Muhibbah. Di-sana kami telah kelimakabut hendak chari baka yang baik—jenis baka kambing Indonesia konon! Jadi baharu sahaja dapat pada tahun 1961 di-bawa ka-mari. Tengok, daripada tahun 1955, tahun 1961 baharu dapat baka kambing itu setelah berutus² dan menghantar² surat dan sa-bagai-nya—kambing jamnapuri nama-nya atau pun kambing Benggala Indonesia, asal-nya dari India. Ada-

kah baka² itu sudah biak atau tidak? Atau pun baka British dahulu itu yang di-katakan Anglo-Nubian yang di-bawa ka-mari dari England, kambing ini besar dan gagah, tetapi bila dua kali beranak sudah habis, isi pun habis, tinggal tulang dengan kulit. Itu ada-lah pusaka daripada British dahulu. Dan nampak-nya sekarang saya terperanjat mendengarkan sa-sudah saya berhenti baka British sampai balek, Anglo-Nubian dengan satu lagi jenis apa-kah saya lupa bukan saya benchikan Anglo itu—tidak, kerana baka tidak baik—baka orang Puteh, memang-lah baka puteh datang ka-kawasan sini, kawasan hitam, jadi tidak boleh sa-suai. Kita hendak baka yang sama dengan udara kita dan sa-bagai-nya. Nampak-nya kambing itu biak balek di-Pusat² Pertanian. Dahulu saya suroh lelong semua-nya, tetapi tidak lelong nampak-nya. Saya pun berhenti, kambing itu banyak biak balek, Anglo-Nubian dan satu lagi jenis saya lupa, sa-kejap lagi saya harap Menteri Pertanian jawab-lah.

Lagi satu berkenaan dengan tali-ayer. Tali-ayer dasar kita, dasar yang kita ubah dahulu, bukan saya ubah, yang kita semua mengubah supaya dasar British atau penjajah dahulu hanya buat tali-ayer sa-bagai topeng. Tali-ayer yang kita ubah itu supaya kita mengadakan tiap² membena satu tali-ayer, ranchangan baharu untuk tanaman dua kali, kalau tidak disesuaikan dua kali tanaman tidak usah buat. Saya harap dasar itu juga diteruskan sekarang kalau tidak sia² sahaja kita belanja \$10-\$15 juta; tidak pula di-jalankan, satu kali sa-tahun sahaja tanaman padi. Tidak sa-suai. Jadi ini saya hendak tahu, kerana ahli biasa Dewan ini tidak tahu. Jadi saya hendak minta penjelasan.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan sharikat kerjasama. Pada tahun 1955-56 ahli itu kita telah tambah empat kali. Menteri Kewangan yang mula² dahulu, Colonel H. S. Lee, saya berkelahi, bertengkar dan bergaduh dengan dia, saya kata kalau kita hendak ranchangkan dan hendak mengembangkan sharikat kerjasama itu ahli² itu kita hendak di-tambah

empat kali ganda dia kata tidak boleh, sa-tahun sa-kali tambah, sadikit² ikut ranchangan wang yang di-hadkan untuk Ranchangan Lima Tahun bagi tiap² tahun. Baik juga sa-sudah bertengkar² saya dapat wang untuk empat tahun itu di-belanjakan bagi sa-tahun mengambil pegawai² berlateh. Pegawai² hendak berlateh selama 2-3 tahun! Jadi Alham dullillah, dapat-lah kita mengadakan pada tahun 1956-57 empat kali ganda pegawai² itu jangka-nya tahun 1959 baharu dapat semua. Jadi ini-lah sebab-nya perkembangan sharikat kerjasama dapat di-jalankan dengan pegawai yang chukup pada masa itu. Hari ini nampak-nya pegawai² tidak chukup lagi oleh kerana kembang-nya gerakan itu. Yang Berhormat Menteri Pertanian sekarang ada berkata yang pegawai² ini tidak chukup lagi. Kalau kita tidak buat macham itu, tetapi tunggu empat tahun lagi, latehan akan jadi lambat empat tahun pula, hanya pegawai yang ada sekarang tidak chukup, kerana kerjanya terlampau banyak. Jadi, Tuan Pengerusi, ini satu ingatan sa-bagai ikhlas saya berchakap dan juga saya fikir pegawai² Kerajaan bersetuju dengan pendapat saya atau pun penasihat² Menteri, tentu-lah bersetuju, tetapi Menteri Pertanian hendak-lah bertengkar pula, hendak-lah dia bergaduh, kerana Menteri Kewangan biasa-nya tentu tidak akan beri pegawai yang banyak itu, tetapi kita mahu buat jangka panjang, kita hendak ambil masa dan kita kena-lah buat dari sekarang. Berbalek kapada pasaran, ini-lah yang saya katakan, kalau-lah pak² tani, nelayan² chukup dengan menambahkan hasil tani mereka, kalau pasaran ta' ada, habis sahaja, sia-sia sahaja. Itu-lah sebab-nya kita hendak-lah mengadakan pasaran sa-chara sharikat kerjasama. Bukan kita sebut perkauman, bukan kita kata orang² China, orang² Melayu, tidak, orang tengah ini bukan daripada bangsa Melayu sahaja, orang Melayu pun ada jadi orang tengah, orang China pun ada jadi orang tengah, orang India pun ada juga. Jadi, orang yang menghisap darah orang² kampung itu-lah yang di-katakan orang tengah, ta' kira apa bangsa, tetapi di-dalam masharakat kampung kita sekarang ini keba-

nyakan-nya terdiri daripada orang² tengah itu ia-lah kebanyakan-nya daripada orang² bukan Melayu.

Berkenaan dengan pasaran padi yang di-batalkan di-Krian dan di-Seberang Perai itu, bukan-lah tujuan-nya hendak di-potong lesen² itu dengan kerana hendak di-beri kapada orang Melayu, tidak. Kita hendak beri kapada sharikat kerjasama, dan kita telah menjemput orang² China, orang² tengah China masuk bahagian kerjasama, tetapi mereka itu tidak mahu, orang sudah biasa jadi taukeh ini hendak jadi taukeh juga. Mereka ta' suka, ta' chenderong kapada sharikat kerjasama, malahan pula di-Krian itu ada 19 buah Kilang Padi besar orang² China. Tujuan kita bukan-nya hendak potong lesen kilang² itu, tetapi hanya hendak meminta supaya pasaran padi di-kampung² di-jalankan oleh sharikat kerjasama meliputi orang² China juga. Bawa-lah padi² itu, jual kapada kilang² China, kapada taukeh² itu, tetapi padi dari sawah di-uruskan oleh sharikat² kerjasama. Ini saya hendak terangkan, kerana kalau tidak tentu keliru nanti. Ini-lah peluang yang akhir dapat saya terangkan. Saya masokkan dalam surat khabar berkajang² kertas, surat khabar ta' hendak siarkan, sudah banyak kali. Jadi, macham mana ra'ayat hendak tahu, ini pun saya nampak ta' akan masuk juga-lah. Saya tahu, surat² khabar, surat khabar *Utusan Melayu* dan yang lain² ta' mahu masokkan. Jadi, kalau ta' di-masok untuk siaran, ta' apa-lah, Tuhan tahu semua!

Tuan Pengerusi, saya orang lama, orang lama dalam pertanian, sa-belum saya menjadi Menteri dahulu pun, saya sa-memang chenderong kapada pertanian, kapada kemajuan di-kampung² dan sa-bagai-nya, dan itu-lah dorongan saya yang saya menjalankan kerja sa-lama ini ada-lah dengan ikhlas. Bukan dengan tujuan niat untuk hendak chari nama, hendak chari pangkat, hendak jadi Perdana Menteri, tidak sa-kali², jauh panggang dari api. Saya berchakap ini dengan ikhlas, kerana ada tudohan² macham², konon-nya saya buat kerja itu hendak berbangga, hendak membesar² diri. Itu

tidak benar sama sa-kali. Saya napi-kan sama sa-kali tudohan² itu.

Jadi, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya ta' puas hati lagi ya'ani dasar perlahan² bergerak berkiraan. Pusat Penyelidikan Ikan di-Batu Berendam, Melaka, di-mana negara kita yang sudah merdeka mengadakan satu Pusat Penyelidikan Ikan colonial. Saya chuba dahulu berikhtiar chara² mana dalam masa sa-belum saya berhenti itu, kalau² boleh Pusat Penyelidikan Ikan itu di-ambil balek supaya kita memileki-nya, kita mengawasi sama sa-kali, tadbir-nya supaya kita jadi tuan punya. Jikalau mithal-nya, Tuan Pengerusi, yang di-katakan orang satu cerita Parsi dahulu kala. Sa-buah rumah orang kaya, dia jatuh miskin, dia jatuh miskin dan jual rumah-nya dia pun pergi, tetapi dia sayang kepada rumah itu. Dia sayang harta, kesenian, barang², perkakas² yang chantek, dia hendak jual kepada orang yang tahu chara²-nya memelihara barang² itu untuk menjaga-nya baik². Dan dia minta satu syarat. Dia kata dia jual rumah ini dengan barang²-nya, tetapi dia boleh datang sa-kali² hendak tengok barang² ini, boleh atau tidak? Orang yang membeli rumah dan perkakas² izinkan. Akhir-nya rumah yang di-jual itu jadi rumah-nya balek. Jadi, Pusat Penyelidikan Ikan ini macham itu-lah keadaan-nya. Di-dalam lapangan science dan technology, di-dalam technique dan research ikan ini-lah yang mustahak di-urus oleh kita sendiri. Jadi, Pusat Penyelidikan Ikan ini sudah ada di-sini, sudah di-tubuhkan sa-belum merdeka lagi. Saya ingat Tuan Pesuruhjaya Tinggi dahulu, Sir Donald MacGillivray membuka-nya, saya hadir bersama. Itu-lah tapak-nya dalam science dan technology yang penjajah tidak mahu lepaskan kepada kita. Itu-lah tapak-nya termasuk Rubber Research Institute, dia sudah bertapak lebih lama dahulu, tetapi Pusat Penyelidikan Ikan ini baharu, dan dalam lapangan itu pegawai² dari Kementerian Pertanian bertengkar, bergaduh beberapa kali dengan pehak Kedutaan British supaya dapat kita mengawasi-nya, atau mengintip atas apa yang di-jalankan-nya itu supaya

di-jalankan untuk negara kita ini dan bukan untuk mereka.

Jadi, saya katakan tadi cerita Parsi itu, dia minta syarat datang. Mula² dia datang, dia kata dia hendak tengok, lepas itu dia datang dia hendak control, akhir-nya dia punya balek. Sekarang dia punya balek semua sa-kali.

Saya ingat ini-lah chara ringkas-nya yang saya dapat peluang berchakap, dan saya harap Kementerian Pertanian ini dapat menjalankan kewajipan-nya serta apa yang di-ranchangkan dahulu mesti di-ubah sekarang, bukan-lah niat saya begitu tidak. Nawaitu itu hendak betul, kalau Nawaitu itu kita hendak buat apa² supaya ra'ayat mendapat faedah, ra'ayat mendapat keuntungan, insha' Allah, bukan tujuan-nya hendak . . .

Enche' Tajudin bin Ali: Minta hendak buat penjelasan sedikit, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Ta' boleh.

Enche' Tajudin bin Ali: Masa Menteri itu memerintah hari itu Nawaitu mana yang di-pakai-nya?

Mr Chairman: Sabar dahulu!

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Nawaitu itu ta' berubah.

Mr Chairman: Saya hendak berchakap dahulu, Speaker hendak berchakap dahulu. Masa sa-orang Ahli berchakap hendak minta penjelasan itu, ma'ana-nya awak sendiri hendak menjelaskan perkara itu, kerana perkara itu ada perchakapan-nya yang ta' betul. Jadi, awak hendak jelaskan, bukan-nya awak hendak bertanya. Ini bukan masa hendak bertanya, bertanya itu ada lain. Minta penjelasan ma'ana-nya awak hendak jelaskan satu perkara yang dia berchakap itu pada pandangan dan fikiran awak ta' betul. Jadi awak hendak jelaskan. Itu-lah ma'ana-nya—on a point of clarification. Jangan di-jadikan perkara itu macham hendak menyoal pula, apa ma'ana-nya Nawaitu itu dan begitu bagini, bukan-nya begitu!

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Nawaitu saya itu ta' berubah sejak dari dahulu sampai sekarang. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak lanjutkan ucapan saya, hanya saya ucapkan terima kasih atas peluang yang telah di-berikan kepada saya. Saya ingat atas apa yang saya chakapkan itu ada-lah dengan ikhlas-nya. Terima kasih.

The Minister of Agriculture and Co-operatives (Enche' Mohamed Khir Johari): Tuan Pengerusi, saya suka hendak menjawab hujah² yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat terlebih dahulu, kerana dia maseh hangat lagi. Saya tahu waktu dia bangun tadi, dia memang tidak ada berniat hendak menghentam saya, kerana sa-masa dia berhenti pun di-dalam press conference yang telah di-adakan oleh-nya, dia memang telah memberi kenyataan di-dalam press conference itu bahawa dia puas hati dengan sebab saya mengambil alih Kementerian-nya itu. Dan saya suka memberitahu juga kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa seperti mana yang saya telah terangkan ia-itu apa² juga perkara² yang baik yang telah di-jalankan oleh-nya, saya akan teruskan, kalau benda itu kurang baik, saya akan baiki dan itu-lah sa-benarnya apa yang saya telah jalankan samanjak saya mengambil alih Kementerian itu.

Ada pun dasar² yang di-jalankan hari ini, bukan-lah dasar saya sendiri, bukan-lah dasar Enche' Abdul Aziz Ishak, tetapi ia-lah dasar Kerajaan Perikatan kita dan dasar tentang hal pertanian ini memang tidak berubah ia-itu kita berikhtiar bagi memberi nasib yang baharu kepada petani² kita, kepada kaum² nelayan kita, dan juga kepada kaum² kita yang tinggal di-luar bandar 'am-nya, dan memang-lah niat Kerajaan Perikatan kita melalui Kementerian Pertanian ini supaya dapat kita membuat sedikit sa-banyak perubahan bagi membela nasib kaum² kita yang tinggal di-kampong² dan juga di-tepi² laut itu. Saya terutama sa-kali suka menjawab berkenaan dengan fasal pasaran. Perkara ini telah pun mendapat perhatian semenjak saya mengambil alih Kementerian

ini, dan baharu² ini pun kita telah mengadakan satu perjumpaan di-Peringkat Menteri berkenaan dengan hal pasaran ini khas-nya, dan di-dalam Meshuarat Peringkat Menteri yang di-pengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri, maka pihak Kerajaan telah pun mengambil keputusan untuk mendirikan satu Agricultural Marketing Board atau pun Lembaga Pemasaran Pertanian, dan ada-lah di-ingatkan bahawa sa-kira-nya kita hendak menghadapi soal pasaran ini dengan tepat dan tegas tidak ada jalan lain, melainkan kita mengadakan sa-buah Lembaga atau pun Agricultural Marketing Board itu yang akan menjalankan pasaran di-atas hasil² pertanian, terutama sa-kali padi dan yang kedua ikan² yang di-keluarkan oleh nelayan² kita. Sungguh pun banyak tanggungjawab yang akan di-jalankan oleh Lembaga ini, tetapi untuk permulaan ada-lah di-ingatkan bahawa lebih baik-lah Lembaga ini menumpukan tenaga-nya bagi memasarkan dua jenis hasil yang penting ia-itu padi dan ikan. Ada-lah di-perchayai sa-kira-nya Lembaga ini dapat berjalan dengan baik dapat-lah kita mengatasi soal pasaran ini dengan lebih sempurna daripada yang sudah². Dan saya suka juga memberi pengakuan kepada Yang Berhormat dari Kuala Langat bahawa dalam kita menjalankan dasar pasaran ini kita tidak berasa churiga atau pun takut² kepada sa-siapa jika sa-kira-nya ada mana² pihak yang chuba hendak sabotase (sabotage) pasaran yang di-jalankan oleh Lembaga ini. Bagi pihak Kerajaan kita akan menjalankan segala kuat-kuasa kita untuk mengatasi segala perhubungan yang datang daripada mereka itu (*Tepok*).

Sa-lain daripada itu bersangkut dengan menambah jenis padi. Dasar ini pun memang sedang di-jalankan, saya tidak dapat memberitahu sa-takat ini berapa banyak jenis padi itu, tetapi saya berani berkata bahawa dasar ini sedang di-jalankan. Dan

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Menambah mengurangkan jenis yang ada?

Enche' Mohamed Khir Johari: Menambah beras. Dasar ini memang dijalankan. Dan berkenaan dengan mengurangkan jenis padi itu pun dijalankan, dan untuk menggalakkan penanaman padi kita mengeluarkan jenis padi yang baik, pehak Kementerian ini dan juga Kementerian Perdagangan dan Perusahaan memang sedang memikirkan satu jalan supaya pada masa yang akan datang kita dapat memberi satu jaminan harga padi yang khas untuk padi² yang jenis baik.

Berkenaan dengan baka kambing yang di-katakan di-bawa dari Indonesia itu, saya baharu sahaja beberapa bulan yang lalu melawat Pusat Haiwan kita di-Port Swettenham, dan saya nampak memang ada lagi kambing itu, tetapi nampak-nya semenjak konfrantasi berjalan dia tidak berapa puas, dia mogok dengan sebab konfrantasi di-jalankan oleh Indonesia. Pada 'am-nya memang-lah dasar kita mengambil banyak lagi kambing benggala ini akan di-jalankan . . .

Mr Chairman: Apa kena-mengena konfrantasi dengan kambing itu (*Ketawa*).

Enche' Mohamed Khir Johari: Berkenaan dengan jenis daripada British itu, saya minta ma'af kerana saya pun tidak berapa faham tentang hal itu, tetapi kalau bagi pehak diri saya, saya tidak peduli dia British-kah atau benggala-kah, apa sahaja yang baik untuk negeri kita ini saya akan jalankan. Begitu juga dasar taliayer pun memang di-jalankan.

Berkenaan dengan pergerakan shariat kerjasama. Kelambatan kita mendapat pegawai² saya mendapat tahu ia-lah di-sebabkan mengikut syarat jawatan itu di-kehendaki mereka yang mempunyai pass degree, tetapi perkara itu saya akan berunding dengan pehak yang berkenaan untuk mengatasi-nya supaya tidak lagi di-kehendaki mereka yang mendapat pass degree untuk mendapat jawatan pegawai shariat kerjasama ini. Dalam soal mencari kerjasama daripada siapa juga saya tidak-lah berhajat hendak bertumbok dengan sa-siapa pun, melainkan saya menjalan-

kan dasar berbaik², dan saya perchaya itu-lah dasar yang lebeh baik sa-kali untuk kita menjalankan apa² juga.

Berkenaan dengan Pusat Penyelidikan Ikan di-Melaka, untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kuala Langat itu saya telah pun menjalankan perundingan dengan pehak berkuasa British di-sini dan juga wakil mereka yang datang dari U.K. supaya Pusat Penyelidikan Ikan itu dapat di-serahkan, bukan kepada kita, tetapi kepada satu international body supaya pusat itu menjadi satu pusat international, dapat di-gunakan oleh sa-siapa juga termasuk negara² yang berjiran dengan kita berkenaan dengan penyelidikan ikan tawar ini. Jadi, saya perchaya sa-bagaimana yang saya sendiri sudah melawat ia-itu pusat penyiasatan padi di-bawah naungan international juga di-Manila, begitu juga saya berharap akan di-jadikan Pusat ini satu Pusat International, bukan-lah lagi berchorak colonial saperti yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jadi lepas ini saya suka-lah menjawab hujah Yang Berhormat dari Tanjong yang saya belum habis.

The Honourable Member from Tanjong would like to know more about the Afro-Asian Rural Reconstruction Organisation. I am afraid that the Honourable Member appears to be rather grossly misinformed about this organisation. In fact, we are one of the founder members of the A.A.R.R.O., the others being the United Arab Republic, Libya, India and Japan. This organisation first came into being in January, 1961 when 23 countries from Asia and Africa decided to establish this organisation. Now this organisation is open to all the countries in Africa and Asia. It was set up mainly for the purpose of developing understanding among members for better appreciation of each others problems and to explore collectively opportunities for the co-ordination of efforts for promoting welfare and eradication of hunger and poverty amongst rural people in Africa and Asia. This organisation is maintained by an annual contribution paid by members of the organisation to be determined by the conference from time to time. It was

at the Cairo meeting, which was attended by the Honourable Member from Kuala Langat, that we extended an invitation to the organisation to hold its conference in Kuala Lumpur and this invitation was accepted. In accordance with the accepted practice, I am now the Chairman of this organisation in view of the fact that the next conference will be hosted by Malaysia and it is expected to be held in February next year.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Mr Chairman, Sir, can I ask a very important question?

Mr Chairman: You can raise a point of clarification.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Yes, a point of clarification.

Mr Chairman: But you must not ask any question.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: No, Sir. The Minister said that we were going to hold this Afro-Asian Rural Reconstruction Organisation conference in Kuala Lumpur. But we have not yet paid our subscription, not that I know of. We were asked to pay it in 1962 and until today we have not paid it. In fact, strictly speaking, we are not yet a member.

Enche' Mohamed Khir Johari: Sir, the Honourable Member as usual is out-of-date (*Laughter*). In fact, we have paid our subscription and we are a full fledged member of this body. The Honourable Member from Tanjong also said that a certain member of the Government is not in favour of Malaysia joining A.A.R.R.O. Whatever he says the fact remains that Malaysia is a full fledged member of the A.A.R.R.O., and we are carrying out our duty as a member of this Organisation.

Saya suka hendak menjawab hujah² yang telah di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu. Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu 'am-nya telah mengatakan bahawa tidak ada banyak perbezaan berkenaan dengan chorak pertanian samenjak dari tahun 1957 dahulu sahingga sekarang ini. Sa-benar-nya

untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat itu, sudah banyak perubahan telah berlaku samenjak dari tahun 1957 sampai pada hari ini, mithal-nya dalam soal tanam padi dua kali sa-tahun, sekarang ini sudah lebeh kurang 50,000 ekar tanah bendang kita yang dapat di-tanam dua kali sa-tahun, dan ada-lah di-jangka angka ini akan naik menjadi 300,000 ekar dalam masa beberapa tahun yang akan datang ini.

Pada masa dahulu ia-itu pada masa sa-belum tahun 1957 dahulu, memang tidak ada langsung, boleh di-katakan tidak ada langsung ranchangan² yang di-jalankan bagi memberi pelajaran berkenaan dengan pertanian ini kepada petani² kita, tetapi sekarang ini sudah di-adakan 15 buah pusat di-mana Pusat² Latehan itu yang petani² kita di-beri latehan berkenaan dengan Animal Husbandry, berkenaan dengan pertanian dan sa-bagai-nya untuk pengetahuan mereka itu. Dahulu memang banyak petani² kita tidak pun biasa melihat, atau pun menggunakan jentera² di-dalam usaha mereka itu, tetapi pada hari ini sudah banyak petani² kita yang bukan sahaja dapat menggunakan jentera² ini, tetapi juga ada banyak yang telah ada mempunyai sendiri jentera² pembajak ini dan lain² lagi. Berkenaan dengan lain² perkara pun sudah banyak ada perubahan² tentang soal pertanian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentoh berkenaan dengan tali ayer di-Rantau yang mana kata-nya di-sana ada banyak kawasan² padi yang terendam oleh ayer, dengan sebab ayer itu ta' dapat keluar daripada tempat itu. Berkenaan dengan perkara ini, saya suka memberitahu bahawa survey, atau pun kedudukan sukatan bagi mengadakan pertolongan kepada tempat itu sedang di-jalankan, apabila siap survey itu, perkara ini akan di-kemukakan untuk mendapatkan kewangan daripada Rumah ini bagi menolong kawasan di-tempat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyoal apa-kah sebab-nya yang peruntokan wang bagi Maktab Kerjasama di-kurangkan daripada tahun yang lalu. Saya suka memberitahu sa-kali lagi yang wang peruntokan

bagi tahun 1964 ini ia-lah wang yang sa-benar-nya di-kehendaki bagi di-belanjakan dalam tahun ini. Sa-hingga tahun ini perbelanjaan bagi Maktab Kerjasama ini tiap² tahun kurang daripada \$100,000 sa-tahun, maka dengan sebab itu wang peruntukan bagi tahun 1964 ini hanya-lah \$100,000 sahaja. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu bersetuju yang wang yang di-masokkan dalam tahun 1964 ini ia-lah wang yang di-jangka boleh di-belanjakan dalam tahun ini. Saya suka juga memberitahu ia-itu saperti mana yang saya telah nyatakan dalam Surat Belanjawan Wang bagi tahun 1963 dahulu ia-itu satu daripada tugas yang saya hendak jalankan bagi Sharikat Kerjasama ia-lah bagi memperelokkan lagi pelajaran Maktab Kerjasama ini supaya Maktab Kerjasama ini akan menjadi sa-buah Maktab yang sa-benar-nya boleh memberi pelajaran dan latehan berkenaan dengan sharikat kerjasama yang boleh mendatangkan kemajuan di-negara kita. Untuk tujuan ini, saya telah melantek sa-buah Jawatan-Kuasa dengan tugas-nya bagaimana Maktab ini boleh memperelok, di-perelokkan lagi pelajaran-nya dan juga didekan-nya supaya sa-benar²-nya Maktab ini dapat berkhidmat dengan sa-penoh²-nya kapada ra'ayat kita. Apabila siap sahaja laporan daripada Jawatan-Kuasa ini, insha' Allah saya akan umumkan di-atas tindakan yang saya akan ambil bagi memperbaiki Maktab Kerjasama ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu juga telah mengatakan berkenaan dengan peruntukan bagi ternakan ayam dan juga kerbau lembu itu ta' chukup kata-nya, sa-patut-nya bukan-lah \$500,000 tetapi sa-patut-nya \$5 juta. Pada fikiran saya sendiri memang peruntukan ini chukup untuk tahun ini, kerana ini ada-lah sambongan daripada ranchangan² yang kita telah jalankan sa-lama ini, dan bukan-lah ranchangan permulaan.

Yang kedua, kalau sa-kira-nya kita menguntokkan wang sa-banyak \$5 juta barangkali ta' dapat kita menggunakan wang itu dengan sempurna-nya, sa-kira-nya dalam sedikit masa hadapan

peruntukan yang di-beri ini berkurangan, saya akan datang sa-mula ka-Dewan ini untuk mendapatkan tambahan wang itu. Saya perchaya permintaan saya itu akan mendapat sokongan yang penoh daripada Ahli² Yang Berhormat sekalian.

Sekarang saya suka menjawab pandangan yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara. Ahli Yang Berhormat ini telah berchakap berkenaan dengan kumbang. Kata-nya kumbang ada-lah menjadi satu perkara yang sangat merosakkan kelapa² di-tempat-nya. Memang pehak Kementerian saya sedar di-atas hal ini, dan Pegawai² Khas daripada Kementerian ini memang pada masa ini pun sedang menjalankan penyiasatan bagi mengatasi soal ini, tetapi apa juga tindakan yang di-ambil oleh pegawai², atau Kementerian ini tidak akan berhasil sa-kira-nya tidak mendapat kerjasama yang penoh daripada petani² itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membuat satu chadangan baharu yang agak radical sedikit ia-itu supaya kita dapat membawa masuk kumbang jenis Brazil untuk datang masuk ka-Tangkak, atau pun ka-Malaysia ini untuk membunuh kumbang² yang merosakkan kelapa² kita. Saya telah pun berhubong dengan pakar² berkenaan dengan hal kumbang ini, mereka tidak pernah dengar langsung kumbang yang bernama dari Brazil itu, barangkali ada di-Tangkak saya pun belum tahu. Saya akan hantar juga pakar² dari sini untuk menyiasat hal itu di-Tangkak.

Dia juga menchadangkan supaya kita mengambil beneh² atau pun pokok² kelapa dari luar negeri saperti dari Philipina, Burma untuk di-tanamkan di-sini. Perkara ini memang sedang di-jalankan dan sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu pergi melawat di-Pusat² Pertanian, Ahli Yang Berhormat itu boleh dapati beberapa jenis pokok² kelapa yang di-tanam di-sana untuk di-buat penyiasatan, tetapi bukan-lah berma'na jikalau sa-kira-nya pokok² kelapa itu baik, dan tumbuh baik di-Burma, tidak-lah berma'na dengan automatic pokok² itu boleh tumbuh dengan

baik-nya di-sini. Tetapi, dalam pada itu pun kita ucapkan terima kaseh di-atas chadangan-nya itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah berchakap berkenaan dengan ahli² persatuan peladang yang di-hantar bagi menghadhiri kursus di-Pusat² Pertanian yang mana kata-nya kita tidak memberi tilam dan bantal, dan patut-lah kita memberi tilam dan bantal dan sa-bagai-nya untuk peserta² itu. Memang mula² dahulu pun kita hendak buat begitu, tetapi peserta² itu sendiri tidak berapa suka, kerana mereka takut berjangkit penyakit² kulit saperti kurap, panau dan sa-bagai-nya, dan mereka sendiri suka hendak membawa tilam dan bantal daripada rumah-nya sendiri dan pehak Kementerian ini memang menyediakan pengangkutan daripada Pejabat Pertanian untuk membawa peserta² itu dengan tilam dan bantal-nya. Semuanya chukup apabila mereka itu masuk di-tempat itu, jadi ta' payah berbelanja apa². Jadi, saya ta' fikir susah dalam hal ini, tetapi sa-kira-nya ada peserta² daripada Tangkak yang berfikir begitu, kita boleh atorkan . . .

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Untuk penjelasan.

Mr Speaker: Awak hendak memberi penjelasan jemput-lah, dia sudah duduk.

Enche' Ahmad bin Arshad: Saya mengharapakan bukan sahaja Pusat Pertanian di-Tangkak, tetapi di-seluruh Pusat Pertanian di-Persekutuan yang ada sa-banyak 15 buah Pusat Pertanian dalam negeri ini supaya di-sediakan bagi pehak Kementerian ini untuk memberi tilam, bantal dan kelambu bagi memberi kesenangan kepada bakal² penuntut itu.

Enche' Mohamed Khir Johari: Tetapi, sa-takat ini itu-lah sebab-nya yang mereka itu tidak berapa mahu. Sa-kira-nya ada bukan sahaja satu tempat tetapi 'am-nya ada kemahuan itu pehak kita akan memberi timbangan.

Berkenaan dengan monyet saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu memang sekarang ini kita kutip lesen sa-banyak \$2 sa-ekor monyet

yang di-tangkap itu. Kutipan harga lesen itu masuk ka-dalam kantong tiap² Negeri, bukan masuk kantong Federal. Monyet itu kerap kali di-hantar ka-negeri Jepon dan Australia untok di-gunakan bagi penyiasatan scientific research di-tempat itu untok mengatasi penyakit lembek atau lumpoh yang dalam bahasa Inggeris-nya di-katakan polio. Kalau ada penyakit lembek atau lumpoh kita boleh gunakan monyet ini untok buat ubat.

Saya suka mengingatkan juga bahawa monyet ini di-satengah² tempat itu menjadi satu puncha yang memberi susah yang banyak kepada petani² dan dengan sebab itu pegawai² daripada Pejabat Mergastua terpaksa kadang² menimbak monyet itu. Jadi pada hari ini tidak-lah ada kita chukai apa² kepada monyet yang di-eksepot itu, tetapi chadangan Ahli Yang Berhormat itu saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, dan saya perchaya beliau akan sambut dengan baik chadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan berkenaan dengan ubat² yang di-beri bagi penyakit sampar. Kata-nya, kadang² ubat penyakit sampar itu bukan-nya hendak meng-ubat, tetapi banyak mati pula sa-lepas kena ubat. Yang sa-benar-nya, ubat itu bukan-lah untok mengubat, tetapi dia chuma menjadi protection atau untok mengelakkan penyakit itu daripada melarat. Jadi, sa-kira-nya kita chuchok sa-belum ternakan itu kena atau baharu kena penyakit itu kita boleh tolong mengubat-nya, tetapi kadang² sudah kena penyakit itu baharu hendak di-chuchok, dan sa-sudah kena chuchok itu dia mati, dia kata ubat itu tidak baik. Yang Berhormat itu patut tahu tentang hal itu baik².

Berkenaan dengan penyakit anjing gila pula yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu pehak Bahagian Haiwan telah pergi menembak anjing² itu dengan tidak ambil tahu walhal anjing² ini menjadi satu sahabat yang baik kepada petani² kita untok menyelamatkan kawasan²-nya. Pehak kita pun tahu tentang hal itu dan

memang kita memberi kerjasama dengan menghantar pegawai daripada Bahagian Haiwan untuk memberi nasihat kepada kaum tani kita supaya menjaga dengan baik anjing² mereka itu. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu lesen anjing itu ia-lah \$5 sa-tahun, tetapi ada orang itu mempunyai dua tiga ekor anjing dia chuma bayar satu sahaja lesen. Itu tidak boleh, sebab macham kita ada dua isteri, kita kena tanggung dua² sa-kali, tidak boleh tanggung sa-orang sahaja.

Yang Berhormat dari Seberang Utara telah membangkitkan tentang Bertam Estate. Saya suka memberitahu kapada-nya ia-itu saya telah pun mendapat perakuan daripada Bank Agong, dan perkara ini sedang di-timbangkan oleh Kementerian saya bersama dengan Kementerian Kewangan. Yang Berhormat itu juga telah menyentuh berkenaan dengan kampung nelayan, beliau berharap supaya banyak lagi kampung nelayan di-adakan untuk memberi satu taraf yang baharu kapada nelayan kita, dan beliau telah juga menyebutkan bahawa dengan usaha-nya sendiri telah dapat mengadakan tempat untuk mengadakan sa-buah kampung nelayan di-kawasan-nya sendiri. Saya telah pun berchakap dengan beliau sendiri tentang hal ini, dan saya telah memberi pengakuan bahawa saya akan memberi kerjasama yang penoh untuk menjayakan kampung nelayan di-tempat-nya itu.

Yang Berhormat itu juga telah berchakap berhubung dengan jentera bajak. Beliau itu takut barangkali pehak² yang ada wang akan menggunakan kuasa wang-nya itu membeli banyak jentera² bajak dan boleh jadi mereka itu ambil alih kawasan sawah yang di-punyaï oleh kaum tani kita yang kechil² itu. Perkara ini memang kita telah pun sedari, dan dengan sebab itu-lah kita menggalakkan melalui Persatuan Peladang bagi kaum kita bersatu-padu di-bawah Badan yang kuat, dan pehak Kerajaan kita memang menyediakan wang dalam Development Estimates yang saya akan bentangkan dalam mesuarat yang akan datang ada peruntukan bagi kita membantu kaum tani membeli jentera bajak.

Beliau itu juga telah menyentuh supaya membanyakkan lagi keluaran buah²an. Ini ada-lah satu perkara yang mendapat priority daripada Kementerian saya dan sedang di-jalankan.

Yang Berhormat dari Sungai Petani telah menhadangkan supaya kita menggalakkan tanaman lada hitam (pepper) dalam negeri kita ini. Sa-bagaimana Yang Berhormat itu sendiri tahu lada hitam ini ada-lah satu jenis tumbuhan yang boleh di-katakan popular juga di-negeri Johor, tetapi di-kawasan lain barangkali tidak begitu sa-suai atau pun tidak di-sukaï oleh petani kita, barangkali di-sebabkan harga-nya tidak tetap. Soal ini ada-lah mendapat perhatian daripada Kementerian.

Berkenaan dengan manila hemp itu pun ada-lah satu daripada perkara yang di-sokong kuat oleh pakar daripada Ford Foundation yang telah datang ka-mari di-atas jemputan negeri kita berkenaan dengan diversification of crops, dan mereka itu pun telah minta kita menjalankan tanaman manila hemp ini sa-chara besar²an, sebab ini ada-lah satu jenis tumbuhan yang memang harga-nya baik di-pasaran dunia.

Dia telah menhadangkan supaya banyak lagi tanah² baharu untuk di-tanam dengan padi bagi di-buka di-negeri² lain, sa-lain daripada negeri Kedah. Ini pun memang di-jalankan, tetapi tentu-lah mengambil masa, kerana sa-lagi kita tidak boleh menjalankan parit dan tali ayer kita dengan sempurna, tentu-lah kita tidak dapat mengadakan lebeh banyak lagi tanah² bagi kita untuk di-tanam dengan padi.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah berchakap berkenaan dengan tanah² hutan patut-lah sa-lepas kita tebang hutan² itu, kita menjalankan dasar bagi menanam sa-mula. Dasar ini memang di-jalankan di-mana² negeri juga. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menhadangkan ia-itu patut-lah kita menjalankan usaha bagi mengeluarkan banyak lagi telor², begitu juga patut kita menjalankan usaha bagi mengeluarkan lebeh banyak lagi babi². Dasar ini pun sedang di-jalankan dan saya

sendiri berfikir lebih baik-lah bagi pehak Tanah Melayu dan Singapura menumpukan tenaga kita bagi mengeluarkan telur dan juga babi. Jadi, berkenaan dengan Sabah dan Sarawak itu patut-lah kita tumpukan tenaga kita bagi menternak seperti kambing dan sa-bagai-nya, oleh sebab di-sana memang pada fikiran saya, ada kawasan² yang luas yang dapat kita jadikan farm yang besar untuk kita jadikan cattle farm, atau pun goat farm yang besar yang dapat kita diversifykan kita punya ekonomi.

Dia telah menhadangkan juga ia-itu lembu² jenis Jersey patut-lah di-bawa masuk ka-Tanah Melayu, atau pun ka-Malaysia daripada New Zealand. Saya di-nasihatkan bahawa lembu jenis Jersey ini memang tidak begitu baik daripada segi ekonomi, tetapi saya juga telah di-nasihatkan walau pun kita tidak dapat membawa masuk dengan banyak-nya Jersey cow ini, tetapi dengan kita mengadakan, atau dengan ada-nya Artificial Insemination Centre seperti mana yang kita buat baharu² ini di-Seremban maka dengan ada-nya pusat baharu itu dapat-lah kita chantumkan, atau dapat kita kahwinkan di-antara lembu Jersey ini dengan kerbau jantan kita, barangkali dengan yang demikian dapat kita keluarkan, atau dapat kita terbitkan jenis² lembu yang sama baik juga, kalau ta' sama baik pun, sama kurang baik dengan jenis Jersey ini. Barangkali susu-nya ta' berapa besar, tetapi dia boleh keluarkan susu yang lebih. Dia telah menhadangkan supaya lembu² di-bawa masuk daripada Thailand. Ini satu perkara yang kita bimbang sedikit, kerana di-Thailand memang ada satu jenis penyakit yang kita kalau sa-boleh²-nya, kita ta' mahu-lah datang merebak penyakit itu ka-negeri kita ini, tetapi pada fikiran saya sendiri lebih baik-lah kita menggalakkan perusahaan ini di-negeri kita sendiri. Kalau sa-kira-nya kita tidak ada tempat di-Malaya ini, lebih baik-lah kita menggalakkan perusahaan yang samacham ini ka-Sabah, atau pun Sarawak; itu ada lebih baik lagi daripada kita bergantung sa-lama²-nya daripada luar negeri.

Saya suka menjawab hujah yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan. Dia telah menhadangkan supaya kita membuat gula kelapa—gula nior, dan patut-lah kita menjalankan siasatan supaya dapat kita keluarkan gula daripada kelapa. Ini memang sudah di-jalankan, tetapi ada-lah di-dapati bahawa perkara ini tidak menjadi ekonomik kalau kita mengeluarkan gula daripada kelapa, kerana kelapa itu sendiri mendapat harga yang lebih baik daripada gula itu. Jadi, kalau kita jual kelapa itu, kelapa itu sendiri mendapat lebih banyak lagi wang daripada kita menjadikan kelapa itu kepada gula, kemudian di-jual-nya gula itu.

Ahli Yang Berhormat itu telah membawa sa-kali lagi berkenaan dengan motor-car untuk pegawai² sharikat kerjasama. Perkara ini maseh lagi dalam timbangan daripada pehak Perbendaharaan, dan sa-lepas perkara ini di-selesaikan, insha' Allah saya ingat dapat di-selesaikan dengan baik dan dapat-lah pegawai² kita itu membeli motor-car. Saya berasa dukachita sedikit, kerana perkara ini mengambil masa yang panjang, oleh sebab ada juga perkara² yang bersangkutan dengan jawatan yang terpaksa di-selesaikan.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menyentuh berkenaan dengan bilangan pegawai² sharikat kerjasama. Saya sendiri bersetuju dengan-nya bahawa kita patut-lah mengadakan lebih banyak lagi pegawai² kita untuk memberi panduan dan pertolongan kepada gerakan sharikat kerjasama, tetapi seperti mana yang saya katakan tadi waktu saya menjawab hujah yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat ia-itu kita tidak mendapat pegawai² ini ia-lah dengan sebab sa-takat ini syarat bagi jawatan itu ia-lah di-kehendaki kelulusan Pass Degree. Syarat ini ada-lah di-pegang oleh Whitley Council. Saya perchaya sa-lepas daripada ini, kita akan dapat berunding dengan pehak yang berkenaan dan dengan yang demikian dapat-lah kita mengatasi soal ini supaya kita dapat mengumpul banyak lagi pegawai² bagi menolong mengembangkan gerakan sharikat kerjasama ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah meminta supaya perjalanan sharikat² kerjasama kita ini di-perkembang, di-perelokkan lagi. Ini saya memberi pengakuan ia-itu memang-lah dasar ini sedang di-jalankan oleh Kementerian ini. Ahli Yang Berhormat itu telah membuat satu chadangan supaya kita menggalakkan ternakan Arnab, atau Rabit. Ini semua terpulang kepada kemahuan. Kalau ra'ayat di-sini sudah mahu makan Arnab, pehak kita tidak menjadi halangan, pehak Kementerian kita akan menggalakkan belaan, atau ternakan Arnab itu, tetapi sa-takat ini, saya ingat ta' ada siapa pun yang mahu, pandang kepada Arnab pun ta' mahu. Jadi, macham mana kita hendak galakkan. Jadi, kemahuan itu mesti-lah di-tunjokkan oleh ra'ayat sendiri, kalau sampai masa-nya, barangkali ada orang yang mulakan, barangkali Ahli Yang Berhormat itu dapat mulakan, barangkali kita semua akan turut sama. Maka dalam pada masa itu, saya beri pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pehak saya sendiri, pehak Kementerian ini akan menjalankan tugas kita. Saya suka juga hendak memberi peringatan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Australia sendiri memang dahulu di-galakkan ternakan Arnab ini, tetapi sa-balek-nya pula Arnab ini menjadi satu puncha yang memberi satu kesusahan yang besar kepada petani² di-sana, sa-hingga terpaksa pula di-jalankan usaha bagi menghapuskan Arnab ini. Di-negeri² Arab, orang² Arab ini memang suka Arnab, sebab di-sana tidak ada "Chicken Chop" macham negeri kita ini, jadi Arnab itu dia buat "Chicken Chop".

Ahli Yang Berhormat dari Dungun minta saya jalankan ikhtiar supaya M.C.W.S. sa-lain daripada mengadakan kedai² di-tempat² kawasan baharu F.L.D.A. itu dapat mengadakan kedai² sharikat kerjasama di-bandar². Saya akan selideki tentang hal ini tentang kemungkinan menjalankan dasar ini, tetapi sa-takat ini, saya kata saya belum-lah lagi sanggop hendak menjalankan, kerana M.C.W.S. ini baharu sahaja kita rombak sa-mula, jadi dengan sebab itu-lah sa-lepas kita puas hati tentang susunan sa-mula itu maka

baharu-lah Kerajaan kita akan memberi bantuan sa-banyak \$500,000. Jadi, sa-takat ini kedai² itu di-jalankan di-kedai² kawasan baharu yang di-jalankan oleh M.C.W.S. itu sendiri, tetapi hajat kita, matlamat kita supaya kedai² itu pada akhir-nya akan menjadi kedai sharikat kerjasama yang di-jalankan dan di-uruskan oleh penduduk² itu sendiri.

Saya berasa sangat dukachita mendengar tentang sungutan berkenaan dengan jalan yang ta' baik itu dan saya akan siasat tentang hal ini, dan apa juga bagi sementara ini dapat kita jalankan bagi mengubah keadaan yang burok itu, saya akan berikhtiar menjalankan-nya.

Berkenaan dengan Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan ia-itu ada tempat² itu di-mana sa-lepas kita akan ranchangan parit ini tiba² keluaran kelapa di-tempat itu bukan-nya bertambah baik tetapi bertambah kurang. Saya sendiri sedar hal ini, kerana saya telah melawat Batu Pahat 4-5 bulan dahulu dan saya telah mendapat complaint yang sa-macham itu, dan pada hari ini pun pehak Kementerian saya sedang menjalankan penyiasatan dalam hal ini. Ada juga hasil awal yang saya dapati daripada pegawai saya yang mengatakan ada kemungkinan perkara itu berlaku sa-lama 1 tahun atau 1½ tahun, sa-lepas itu balek kepada asal dan akan menambah baik lagi, tetapi dalam pada itu saya suka memberi pengakuan bahawa perkara itu ada-lah dalam timbangan Kementerian ini. Beliau juga menyebutkan di-Melaka dia mendapat tahu padi tidak dapat di-tanam dengan sebab soil-nya itu masam. Yang sa-benar-nya, tanah di-Melaka memang begitu. Kalau sa-kiranya tidak chukup ayer memang jadi begitu. Jadi pada tahun ini Ahli² Yang Berhormat tentu-lah tahu kita menghadapi satu kemarau yang chukup dahshat dengan sebab itu mungkin-lah perkara itu berlaku di-Melaka. Saya sendiri pun berasa bimbang dahulu hal di-Melaka itu, tetapi dengan kuasa Tuhan, hujan turun chepat sedikit dengan sebab itu pada 'am-nya kita dapat selamatkan (save) padi kita di-Melaka itu. Tetapi boleh jadi ada

tempat² sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu yang tidak dapat di-tanam dengan sebab soil-nya itu masam. Sa-lain daripada itu, kata-nya, ada tempat² yang tidak dapat di-tanam tanaman² dengan sebab tempat itu ayer dalam. Perkara itu saya suka sa-kira-nya sa-siapa juga yang menghadapi soal ini bertanya kepada pegawai tempatan di-situ, dan saya perchaya pagawai² itu akan memberi nasihat: apa-kah jenis tanaman yang sa-suai dengan keadaan yang berlaku di-situ.

Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyebutkan berkenaan dengan anggor. Saya suka memberitahu kapada-nya ia-itu kita memang menjalankan penyiasatan berkenaan dengan anggor ini. Sunggoh pun anggor ini telah berjaya di-Pontian, tetapi tidak boleh-lah kita katakan pada hari ini dia boleh berjaya kalau kita tanam di-Kelantan umpama-nya. Jadi pada fikiran saya kita chuma membanyakkan jenis² tanaman. Anggor memang tidak sa-suai bagi negeri kita ini, tetapi sa-kira-nya sa-lepas kita menyiasat kita dapat ketahuì bahawa kita dapat tanam dengan banyak anggor itu memang-lah kita akan menggalakkan, bukan sahaja untuk makanan, tetapi untuk apa² juga jenis perusahaan yang boleh di-gunakan untuk orang kita di-sini. Siapa yang tidak mahu guna, tidak usaha gunakan-lah, tetapi siapa yang suka hendak gunakan boleh gunakan.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan tamar. Kata-nya, patut-lah kita menjalankan penyiasatan bagi menanam tamar. Sunggoh pun kita belum lagi menjalankan penyiasatan berkenaan dengan tamar ini, tetapi kita dapat tahu di-tempat² yang ada tanam tamar itu memang baik. Sa-kira-nya sa-lepas kita buat penyiasatan dan memang pada hari ini pun sedang dijalankan, kalau sa-suai kita akan menggalakkan lagi tanaman tamar ini. Bukan sahaja untuk "bulan Puasa" tetapi tidak "bulan Puasa" pun boleh di-makan.

Berkenaan dengan tembakau virginia yang di-tanam di-Kelantan itu, saya suka memberitahu Yang Berhormat itu sa-lain dari Kelantan, sa-takat yang saya tahu di-Perak pun ada

juga usaha² bagi menanam tembakau virginia ini, di-Perak barangkali di-usahkan oleh sa-buah sharikat rokok yang lain daripada M.T.C. Jadi saya perchaya ada kemungkinan perusahaan ini menjadi satu perusahaan second crop yang boleh memberi pendapatan yang banyak dan baik kapada petani² kita.

Berkenaan dengan harga, sa-takat yang saya tahu, barangkali saya salah, harga yang di-tetapkan itu ia-lah diantara pehak M.T.C. dengan pehak yang mengeluarkan. Jadi saya perchaya sa-kira-nya kita dapat menanam dengan banyak dan baik dan kita dapat beri ketentuan sa-takat mana kita boleh supply kapada mereka itu kelak, pehak Kementerian sendiri dapat berhubung melalui jasa baik kita untuk berunding dengan pehak kilang² rokok supaya dapat harga yang lebeh baik kapada penanam² tembakau kita.

Yang Berhormat juga telah menyebutkan berkenaan dengan Sharikat Guru² Melayu Kelantan. Kata-nya, dia telah mendapat rayuan bahawa sharikat itu tidak berjalan dengan baik. Saya sendiri pun mendapat banyak rayuan, tetapi saya dapat banyak sangat angle-nya, ada yang kata baik dan ada yang kata tidak baik. Yang sa-benar-nya, saya dahulu sudah buat ranchangan hendak pergi pada 18 hari-bulan Disember ini ka-Kelantan berkenaan dengan perkara itu, tetapi dengan sebab hari-bulan persidangan Parlimen ini di-tukar, saya terpaksa membatalkan pemergian saya itu. Insha' Allah, saya pun suka perkara² yang sa-macham itu dapat kita selesaikan dengan baik, kerana saya perchaya sharikat itu memang ada harapan yang baik pada masa hadapan.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, untuk beri penjelasan. Saya mustahak beri penerangan sedikit kerana perkara ini besar, berbabit perkara wang Sharikat Guru² Melayu Kelantan yang hilang lebeh kurang \$200,000. Pada tahun 1961 perkara itu sudah merebak, dan pegawai² dalam sharikat itu sudah ambil wang itu di-gunakan untuk berniaga, dan telah saya terpaksa mengadakan satu perjumpaan di-rumah Yang Berhormat

dari Ulu Kelantan, kerana mereka daripada orang² UMNO semua—orang yang buat jahat ini. Jadi oleh kerana hendak menyelamatkan nama UMNO sebab itu-lah orang itu tidak dapat di-singkirkan, dan saya beri tempoh 2 minggu supaya mereka terek diri dan bayar balek wang² itu, mereka kata baik-lah, tetapi sampai hari ini orang² itu maseh menguasai dan wang itu maseh belum dapat di-jelaskan. Jadi saya takut, kerana tuduhan ini ada-lah perkara lama—perkara 4-5 tahun dahulu.

Mr Chairman: Jangan panjang sangat kenyataan itu.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Jadi sa-hingga hari ini pun belum selesai. Meshuarat pun tidak dapat di-jalankan. Pada satu masa dalam tahun 1962 kira² pada bulan Jun satu meshuarat telah di-adakan—bermacam² ugutan telah di-buat oleh orang yang tidak betul itu dengan menggunakan “kapak kecil” dan sa-bagai-nya—meshuarat di-adakan sampai malam hari, tengah malam baharu mengundi, angkat tangan tidak nampak. Jadi, akhir-nya tutup bagitu sahaja sa-hingga hari ini sudah 4 tahun tidak dapat di-jalankan, kerana orang² itu ketua² UMNO. Dasar saya dalam sharikat tidak-lah kira parti atau sa-bagai-nya. Itu-lah sebab-nya apa yang kita hendak ahli² itu membayar balek wang tersebut supaya selamat dan jangan hilang.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, untuk penjelasan sedikit lagi

Mr Chairman: Jangan panjang.

Enche' Mohamed Asri bin Haji Muda: Tidak panjang. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri berchadang hendak melawat ka-Kelantan untuk hendak mengadakan penyiasatan, maka untuk panduan beliau itu apakala sampai ka-Kelantan hendak menyiasat siapa orang yang menggunakan wang itu sa-chara yang tidak betul, chuba-lah Menteri itu tuju kepada chara yang tetap sa-kali, umpama-nya, deposit account No. 241 sampai pada 1hb Januari, 1961, dia berhutang kepada deposit account itu sa-banyak \$20,918 sa-hingga sekarang ini tentu-lah ber-

tambah lagi. Dan sa-lain daripada itu perlu-lah Yang Berhormat Menteri itu tahu bahawa semenjak tahun 1955 meshuarat bagi mengisahkan timbangan kira² tidak di-adakan sampai hari ini. Pada bulan September tahun 1960 jawatan-kuasa sharikat telah mengambil keputusan hendak mengadakan Meshuarat Agong dalam bulan Oktober tahun 1960 akan tetapi perkara itu tidak di-adakan. Itu-lah perkara yang besar sa-kali. Ada 3 account di-tangan saya ini—saya tidak perlu nyatakan bagaimana saya dapat-nya—Account No. 241, 354 dan 13.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek (Dungun): Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Kementerian . . .

Mr Chairman: Di-sini bukan tempat bertanya, saya telah banyak kali mengingatkan dalam Majlis ini, hanya boleh beri kenyataan kalau hendak beri kenyataan. Kalau hendak bertanya pada masa yang lain.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Saya hendak beri kenyataan.

Mr Chairman: Chakap hendak beri kenyataan.

Che' Khadijah binti Mohd. Sidek: Tuan Pengerusi, tentang hal Parit dan Tali Ayer itu tadi, saya suka hendak menerangkan sedikit bahawa pendapatan daripada biasa itu ada-lah sangat berkurangan. Jadi, yang di-harapkan bagi keuntungan untuk dapat berlipat ganda itu ada-lah sa-balek-nya ia-itu kerugian penderitaan yang di-terima oleh ra'ayat yang dikenakan bagi tali ayer itu. Jadi, saya minta supaya di-timbangkan bagi mereka yang menerima penderitaan itu supaya jangan di-beri chukai tanah lagi sementara tanah itu puleh sa-mula sa-hingga mendapat hasil yang baik. Itu soal tali ayer, Tuan Pengerusi.

Soal yang kedua, berkenaan dengan sharikat kerjasama yang di-luar bandar itu tadi. Saya minta kepada pehak Kementerian supaya harga barang² yang saya ketahui di-sana itu ada-lah jauh lebeh mahal daripada harga barang² yang di-luar bandar supaya sa-kurang²-nya di-samakan harga barang² itu dengan harga barang² di-luar bandar. Jadi, saya minta jaminan

daripada pehak Kementerian supaya niat baik daripada pehak Kementerian ini untuk hendak meringankan bebanan peserta² dalam Ranchangan Luar Bandar itu dapat di-jalankan dengan sunggoh²-nya. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Enche' Mohamed Khir Johari: Terima kaseh berkenaan dengan perkara chukai tanah itu. Perkara itu bukan-lah dalam kuasa Kementerian ini, tetapi ada-lah kuasa dalam Kerajaan Negeri, dan sa-benar-nya saya juga mendapat tahu bahawa Yang Berhormat Datin Fatimah, wakil Perikatan dari Bentong, saya ingat telah pun berhubung dengan pehak Kerajaan Negeri dan dia telah menghantar surat salinan kepada saya berhubung dengan perkara ini, dan saya perchaya pehak Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan yang baik.

Berkenaan dengan perkara melepaskan mereka itu daripada membayar quit rent, atau pun water rate, bagi pehak saya sendiri akan berhubung juga dengan pehak Kerajaan Negeri dalam perkara ini.

Berkenaan dengan soal kedai tadi pun seperti mana yang saya katakan tadi bahawa saya telah beri pengakuan akan menyiasat berkenaan dengan perjalanan kedai² itu dan supaya dapat di-jalankan dengan baik-nya dengan tidak lagi mengenakan harga² barang yang tidak berpatutan seperti mana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan perkara Sharikat Guru² Kelantan itu, seperti mana yang tuan² tahu, saya baharu sahaja dalam Kementerian ini, jadi sa-benar-nya saya mendapat tentang hal ini sa-lepas saya menerima salinan² surat² yang di-hantarkan kepada saya. Jadi, saya belum lagi mendapat gambaran yang penoh berkenaan dengan sharikat ini, tetapi saya perchaya sa-kira-nya saya dapat berjaya pergi di-sana bagaimana yang saya chadangkan hal itu, maka dapat-lah saya menjalankan siasatan yang penoh supaya dapat kita menghidupkan sa-mula dengan sempurna-nya sharikat ini. Di-atas ma'lumat yang di-berikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu tadi, saya ucapkan terima kaseh.

Tentang hal sharikat ini, saya tidak ambil tahu sama dia dari parti UMNO-kah, Parti Perhimpunan Kebangsaan-kah, atau parti PAS-kah, itu tidak menjadi soal kepada saya. Jadi, ta' guna-lah saya sebutkan soal ini.

Sa-lain daripada itu, saya suka juga menjawab hujah yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Lipis. Dia menyoal apa-kah sebab-nya yang kita berkehendakkan banyak pakar² sampai peruntukan untuk pakar² itu terpaksa kita naikkan. Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita berkehendakkan pakar² ini ia-lah untuk tugas² yang tertentu dan tidak ada satu pakar pun yang ada di-dalam negeri kita ini pada hari ini yang dudok goyang kaki. Semua-nya sa-memang ada kerja mereka, dan saya sendiri sa-belum sa-saorang pakar itu di-datangkan ka-negeri kita ini, saya sendiri dalam Kementerian ini yang bertanggung-jawab bagi meluluskan permintaan ini. Maka saya beri pengakuan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa tiap² pakar yang kita adakan di-sini memang-lah ada tugas-nya yang penting bagi kemajuan pertanian dan juga ekonomi negeri kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebut berkenaan dengan satu tanah kata-nya, saya tidak tahu nama tempat itu, agak-nya sasuai bagi kita mengadakan satu farm yang besar, tetapi saya mendapat tahu di-tempat itu dahulu memang menjadi satu perusahaan ternakan yang besar di-sana, tetapi dengan sebab ada satu penyakit di-sana ia-itu penyakit jantung hati, maka dengan sebab itu terpaksa-lah kita ubahkan tempat itu, tetapi barangkali jantung hati itu sudah baik sekarang ini, saya akan selideki sa-kali lagi dan kalau baik kita akan chuba balek.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir telah menyebutkan berkenaan dengan pasaran dan juga berkenaan dengan marketing system dan sa-bagai-nya. Perkara ini saya telah jawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat tadi. Jadi, Kerajaan kita ini hendak mengadakan marketing system dan Agricultural Marketing Board, dan saya perchaya ini-lah satu jalan yang tepat sa-kali

yang dapat kita mengatasi soal pasaran ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga berchakap berkenaan dengan Penyata Tahunan bagi Jabatan Sharikat Kerjasama. Kata-nya tidak ada report, sa-benar-nya tidak ada report, tetapi mulai pada tahun ini saya akan sediakan report bagi tahun 1963 ini—kita akan adakan report itu balek.

Berkenaan dengan Sharikat Kerjasama Tok Jaya itu, saya akan siasat di-atas apa yang di-sebutkan-nya itu dan saya akan menjalankan apa² juga usaha bagi memperbaiki keadaan sharikat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Baling ada menyebutkan, terutama sa-kali berkenaan dengan Pegawai Parit dan Tali Ayer yang mana kata-nya tidak ada di-sana. Sa-benar-nya bukan sahaja di-Baling, tetapi banyak tempat² yang lain yang tidak ada pegawai² tersebut, dan kita ada-lah kurang bagi pegawai² itu, tetapi saya memberi pengakuan kapada Ahli Yang Berhormat itu, jikalau di-dapati mustahak, boleh-lah kita chuba ikhtiarkan dengan sa-berapa daya supaya dapat kita mengadakan pegawai itu di-sana.

Ahli Yang Berhormat itu telah menyebutkan berkenaan dengan Sharikat Kampong Pinjam-Meminjam. Kata-nya tidak ada kemajuan. Tidak ada kemajuan itu ada-lah banyak sebab²-nya, maka dengan sebab itu-lah kita menggalakkan segala sharikat² kampong itu menggabungkan diri mereka itu untuk menjadikan sa-buah persatuan, atau pun Banking Union. Jadi, bila ada Banking Union itu dapat-lah Banking Union itu menggabungkan diri-nya dengan Bank Agong, dan baharu² ini pun saya sendiri telah membuat satu ucapan di-dalam Meshuarat Agong Appex Bank bahawa saya telah mengumumkan tentang tujuan Kerajaan hendak mendirikan Bank Ra'ayat saperti mana yang di-chadangkan itu. Jadi, dengan ada-nya Bank Agong itu maka akan menjadi asas kapada kita yang akan menjalankan Bank Ra'ayat itu dan Bank Ra'ayat ini-lah yang kelak akan menjadi satu ibu yang besar bagi mengembangkan segala sharikat² di-

kampong² dan juga sharikat² di-mana² tempat juga.

Berkenaan dengan tanam padi di-kawasan² forest reserve, atau pun hutan simpanan, sa-takat ini di-mana juga kawasan hutan simpanan yang di-dapati sasuai untuk di-tanam padi, memang kita memberi permit untuk sa-siapa juga bertanam padi di-situ, dan sa-kira-nya ada-lah di-dapati oleh Pegawai Pertanian Tempatan bahawa tanah itu sasuai untuk di-tanam padi, tanah itu akan di-potong dan akan dimasokkan, di-alienate-kan sa-mula untuk menjadi kawasan padi.

Berkenaan dengan tanaman, banyak lagi tanaman buah²an yang mana ini semua sedang di-jalankan, begitu juga dia telah menchadangkan supaya pehak Kerajaan membantu Persatuan² Peladang bagi memberi pinjaman, atau pun menyewakan jentera² pembajak kapada Persatuan² Peladang itu. Dasar ini sedang di-jalankan. Dia telah menchadangkan juga supaya kita menggalakkan tanaman tebu untuk mengeluarkan gula dan ini pun memang-lah menjadi satu dasar yang utama yang sedang di-jalankan oleh Kementerian saya.

Tentang chadangan-nya itu supaya kita dapat menyiasat, ada-kah kemungkinan bagi kita dapat mendirikan kilang² gula yang kechil². Ini barangkali saya ta' boleh memberi pengakuan tentang hal ini, tetapi sa-takat yang saya tahu, memang ta' boleh kita buat bagini, tetapi dalam pada itu pun, kita akan berhubung dengan pehak yang berkenaan dan dapat bertanya dengan lebeh lanjut lagi atas perkara ini.

Sekarang saya berbalek kapada Ahli Yang Berhormat dari Lipis. Beliau menchadangkan supaya kita buat ampangan (dam) di-tempat-nya dan jangan-lah kita belanja sa-banyak \$50,000 tiap² tahun macham kita ada pumping scheme di-sana. Perkara itu penyiasatan telah di-jalankan, tetapi dengan keadaan tempat itu, dukachita tidak dapat buat ampangan di-situ. Bukan fasal tidak mahu buat, tetapi fasal tidak boleh buat, kalau boleh buat kita memang buat sebab itu lebeh murah lagi daripada belanja sa-banyak \$50,000 sa-tahun saperti sekarang ini.

Yang Berhormat dari Pinang Selatan telah menhadangkan fasal rambutan ia-itu kalau boleh kita tebang pokok kelapa yang tua² itu untuk tanam pokok rambutan. Jadi, barangkali tempat itu tidak sesuai untuk tanam pokok rambutan. Ini-lah Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu lebeh dahulu. Kalau sesuai saya pun suka juga, kerana hasil rambutan ini memang lebeh baik lagi daripada hasil getah, dan dasar kita sekarang ini memang-lah memberi bantuan untuk menanam buah²an. Kalau Ahli Yang Berhormat itu atau ada sa-siapa juga yang hendak tanam sa-mula pokok² buah²an kalau minta bantuan daripada Jabatan Pertanian akan diberi bantuan.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyebutkan berkenaan dengan syarat² hendak masuk Sekolah Perikanan di Pulau Pinang itu sangat ketat sekarang ini. Sunggoh pun pada zahir-nya ketat—pada zahir-nya ketat syarat itu, tetapi yang sa-benar-nya kita longgarkan. Jadi kalau ada mereka yang keluar daripada sekolah kebangsaan kita yang lulus Darjah V pun kita terima. Syarat-nya mereka itu mestilah datang-nya daripada keluarga perikanan, kerana kalau mereka itu dudok dalam bandar, jangan harap mereka menjadi nelayan. Itu syarat yang penting, tetapi memadaï dengan saya memberitahu bahawa syarat itu bukan di-ketatkan tetapi di-longgarkan.

Yang Berhormat dari Pinang Selatan telah menyebutkan berkenaan dengan syarat menjadi ahli sharikat nelayan ia-itu orang lain daripada nelayan tidak dapat masuk menjadi ahli dan kita patut longgarkan syarat itu. Jadi, perkara ini pun yang sa-baik²-nya kalau kita hendak adakan sharikat nelayan lebeh baik-lah orang nelayan sendiri menjadi ahli, kerana kalau orang yang ada wang masuk jadi ahli barangkali tidak sesuai pula; kalau orang yang menanam padi masuk menjadi ahli sharikat nelayan barangkali tidak sesuai, tetapi dalam pada itu pun saya akan tengok lagi tentang hal itu. Tentang faedah kata-nya patut-lah kita longgarkan sedikit di-mana sekarang ini kita hadkan sa-takat 6 peratus. Ini tidak

menggalakkan, kata-nya. Perkara itu sekarang ini memang dapat di-longgarkan sa-kira-nya ada permohonan daripada mana² sharikat.

Yang Berhormat dari Perlis Utara menhadangkan ia-itu pegawai² daripada Jabatan Pertanian menasihatkan petani² berkenaan dengan menambah lagi keluaran padi. Perkara ini memang-lah di-jalankan. Begitu juga tanaman kelapa dan buah²an sedang di-jalankan. Beliau juga menhadangkan ia-itu kita menyelidek di-bawah tanah untuk mendapatkan ayer. Penyelidikan atas hal ini sedang di-jalankan. Yang Berhormat menhadangkan juga ia-itu kita hendak-lah menggalakkan kaum² tani kita menanam rumput silo (silo grass). Perkara ini pun sedang di-jalankan, tetapi ada juga orang kita yang tidak suka menanam rumput silo, sebab mereka suka beri anak²-nya bekerja untuk memberi makan kerbaulembu-nya di-sana sini, tetapi di-tempat² yang boleh di-tanam, dasar kita memang-lah menggalakkan orang kampung menanam rumput silo ini.

Yang Berhormat dari Besut bertanya ia-itu ada-kah kita menjalankan research bagi menambah lagi hasil makanan. Perkara ini sedang di-jalankan. Begitu juga berkenaan dengan botanic survey of plant itu pun sedang di-jalankan, dan segala ma'lumat berkenaan dengan akar² dan pokok² kutipan sedang di-jalankan.

Yang akhir sa-kali berkenaan dengan Yang Berhormat dari Kulim Utara. Beliau membawa soal penyu. Soal penyu ini menyelidekan sedang di-jalankan, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat lihat ada sa-banyak \$2,000 kita telah untokkan, dan pehak negeri Trengganu juga menguntokkan sa-banyak \$2,000. Beliau suruh selidek supaya penyu dari Sabah itu di-kahwinkan dengan penyu Dungun. Sa-bagaimana saya katakan saya tidak boleh paksa tentang hal ini, tetapi sekarang ini Ahli² Yang Berhormat dari Sabah ada di-sini, barangkali mereka itu boleh jawab dengan tepat-nya. Itu-lah sahaja. Terima kasih.

Question put, and agreed to.

The sum of \$15,364,986 for Head S. 12, the sum of \$81,270 for Head

S. 65B, the sum of \$262,430 for Head S. 65C, the sum of \$139,255 for Head S. 66C and the sum of \$463,269 for Head S. 67B ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 13, S. 65D and S. 67M—

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): Mr Chairman, Sir, may I have your permission to take Head S. 13—Ministry of Commerce and Industry—\$2,623,727, together with Head S. 65D, Singapore—Registry of Trade Marks, Patents and Companies—\$105,851; and Head S. 67M, Sarawak—Food Control and Supplies—\$377,744.

Mr Chairman, Sir, the expenditure of my Ministry for 1964 is estimated at \$3,107,322 made up of:

Personal Emoluments	\$1,856,808
Other Charges Annual	
Recurrent	838,874
Other Charges Special	
Expenditure	411,640

an overall decrease of \$321,727 from that of 1963. This is due to the reduction in items of Other Charges Special Expenditure.

The Personal Emoluments show an increase of \$161,722 mainly for the employment of the following additional staff:

*Head S. 13, Item 4—Timbalan Setiausaha, Tingkatan Tertinggi "D", or Deputy Secretary—*In order to release the Secretary to the Ministry from having to attend all the numerous meetings of the various Committees and Boards and to enable him to represent the country at important international economic conferences and negotiations, it is essential that a post of a Deputy Secretary should be created to assist the Secretary, so that urgent work to the Ministry does not suffer. Since Independence the volume and responsibilities of my Ministry, both at home and overseas, have increased considerably. It is found impossible for the Secretary to cope with his increased responsibilities without assistance. The appointment of a Deputy to him is, therefore, considered necessary.

*Bahagian Barang² Eksepot (Items 32 and 33) Item 32—One additional Penolong Pengawal (Assistant Controller)—*The Export Commodities Division has been continually expanding. It deals with all economic aspects of the export commodities on which the prosperity of the country depends that is, rubber, tin, iron-ore, timber, pineapple, coconut and oil palm industries and various other matters connected with research and development, replanting and rehabilitation, stockpiles, trade intelligence and statistics. New Committees and statutory bodies are formed from time to time which come under the responsibilities of this Division. If this Division is to keep abreast with new developments at home and in the international fields and to carry out its proper functions adequately, a corresponding increase of staff is necessary. At present this Division has a complement of 7 Division I posts, comprising one Controller, two Deputy Controllers and four Assistant Controllers. This represents the minimum requirements of this Division at the present moment.

To meet the impending increase in the volume of work, an additional post of an Assistant Controller is required for next year.

*Bahagian Kemajuan Perusahaan—(Items 54, 57, 58, 59 and 61)—*With these additional appointments the total establishment for the Industrial Development Division will be increased from 24 to 33, an addition of 9 posts of which 2 will be for Assistant Controllers. This will bring the total number of Division I officers to 12, a modest figure compared to about 40 Division I officers in the Economic Development Board, Singapore, of whom about 20 are doing much the same duties as has been assigned for our 12 officers. The increase in the establishment has been necessitated by the increasing volume of work in the Industrial Development Division arising from the progress of industrialisation and the setting up of more industrial sites over the country and also the need to speed up the industrial development of the country which is now more urgent. It is expected that with the recruitment of

these additional personnel the Industrial Development Division will be better staffed to advise on industrial promotion, evaluate industrial projects and collect data on industrial statistics of pioneer companies.

Tourist Promotion Section—Item 81—Publicity Writer—The creation of this post is in accordance with the recommendations of the United Nations Expert on Tourism to carry out research to obtain facts and information for overseas publicity and promotion.

Government Rice Mills, Perak—(Item 117)—The Supplies Branch of my Ministry took over the Perak Government Rice Mills together with the staff from the State Government on 1st January, 1963. It is intended that when reconstruction and repairs of these mills have been completed, the mills and godowns will be used both for the purchase and milling of padi bought under the Guaranteed Minimum Price Scheme, and for the storage of rice held in Government Reserve Stock. This will save approximately \$350,000 per annum in godown rents and transport costs. The additional staff of two Supplies Officers, one chief inspector, three inspectors, three store-keepers, five temporary clerks and two office boys, are needed in order to operate the Rice mills and Reserve Stock of Rice efficiently.

Pejabat Tanda Perniagaan—Item 119—Deputy Registrar—The creation of this post is necessary in order to carry out routine work of the Registry thus leaving the more complicated and problematical part of the work such as considering conflicts of trade marks, holding interviews, making decisions, and taking hearings of opposition cases and examinations of marks to the Registrar.

Lain² Perbelanjaan—There is an increase of \$38,392 over last year. The increase of Sub-head 2, Administration, \$3,186, is to provide for the increase in the rent of the office space of the Pejabat Rancangan Kerajaan Tanam Semula Getah, telephones for new officers, books and periodicals for the

Registry of Companies, which has been transferred to my Portfolio since 1st April, 1963.

The increased provisions under Sub-heads 4 (\$5,000) and 11 (\$12,036) are consequential upon increased contributions which the Government has to make to the Working Fund of the General Agreement for Trade and Tariff and the International Tin Council.

Increased provision under Sub-head 9, \$13,570, is to meet increased rent for the Tourist Promotion Section.

Additional provision of \$6,500 under Sub-head 15—Transport and Travelling—is to meet increased travelling expenses resulting from the increase in the number of senior staff.

The new provision of \$9,600 under Sub-head 17 is for rent of Quarters overseas. It is expected that the post of Trade Commissioner, London, will be filled next year and this amount is to meet his housing rent.

On Special Expenditure, the only item showing a substantial increase is Sub-head 20—Perbelanjaan Pakar², or Expenses of Experts, \$44,000 more than the last year's figure of \$23,000. This additional amount is to meet the expenses of United Nations/Colombo Plan experts required to carry out feasibility studies for the setting up of new industries, particularly of industries using Malaysian raw materials.

SINGAPORE

Head S. 65D (i) Registry of Trade Marks and Patents—

(ii) Registry of Companies—

There is no change in the establishments of these two Departments. The overall increase of \$19,881 is due to the small increase in the Personal Emoluments to meet normal annual increments and variable allowances, as well as due to the creation of two new items (Public Utility Service \$2,400 and Rent on Premises \$9,600) in O.C.A.R. expenditure.

SARAWAK

Head S. 67M—Food Control and Supplies—

There is no change in the establishment. The increase of \$7,836 under Personal Emoluments is for annual increase of salary and variable allowances.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, berhubung dengan muka surat 104 Butiran (1) di-dalam Estimates ini, saya ada satu perkara yang hendak saya bangkitkan, ia-itu di-dalam Meshuarat Dewan Ra'ayat pada 16-10-1961 yang lalu saya pernah mengemukakan satu soalan kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan; pada waktu Yang Berhormat Enche' Mohamed Khir Johari, saya telah menyoal ada-kah Kerajaan berchadang hendak meminda atau mengkaji semula akan *Copyright Enactment of the Federated Malay States, 1930*, supaya kandungan-nya lebih lengkap dan sempurna sa-suai untuk melindungi hak² penulis dalam Persekutuan Tanah Melayu dan jika ia, bila. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan waktu itu telah menjawab, niat Kerajaan ia-lah hendak mengadakan undang² baharu berkenaan dengan Copyright, Rang Undang²-nya sedang di-sediakan, dan di-harap akan di-kemukakan Rang Undang² itu tidak berapa lama lagi. Itu ia-lah jawapan Yang Berhormat Menteri pada 16-10-1961.

Di-sini terpaksa-lah saya membangkitkan sa-mula soal ini, oleh kerana telah jelas-lah bahawa Undang² Copyright atau Hak Pengarang dan saya lebih suka menyebutkan di-sini sa-bagai Undang² Hak Cipta, telah tidak di-kemukakan oleh Kementerian yang berkenaan ini dalam Dewan ini walau pun masa telah berlalu lebih dari 2 tahun.

Soal Undang² Hak Cipta ini, Tuan Pengerusi, amat-lah mustahak dan di-rasa begitu mustahak, terutama-nya oleh sasterawan, seniman seperti pengubah lagu, ahli² seni, pelukis dan

sa-bagai-nya. Soal ini pernah di-bangkitkan di-dalam negeri oleh beberapa pertubuhan penulis dan juga persatuan wartawan dalam negeri ini. Tuan Pengerusi, sasterawan, seniman dan wartawan ini ada-lah pahlawan nasional kita yang telah berjuang dengan pena mereka dalam menentang penindasan manusia atas manusia. Mereka telah berjuang sejak negeri ini di-jajah sampai negeri ini telah merdeka, terus mengabdikan dengan pena mereka untuk membangunkan keperibadian nasional kita di-dalam bidang seni dan sastera. Begitu besar jasa² pahlawan pena kita itu.

Hasil karya mereka kita nikmati, tetapi nasib-nya telah kita lupakan sa-lama ini

Mr Chairman: Itu sudah terpelinchong sedikit pada dasar 'am, jaga sedikit.

Tuan Haji Hasan Adli: Saya tidak memanjangkan. Oleh itu saya minta kepada Kementerian ini dengan sa-berapa segera mengadakan satu undang² hak cipta yang baharu yang boleh melindungi kepentingan penulis, wartawan dan seniman² kita itu.

Tuan Pengerusi, di-dalam soal mengadakan satu undang² yang baharu bagi undang² hak cipta itu yang menjadi tugas Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ini suka-lah saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri ini atau kepada Kementerian ia-itu apabila undang² itu di-susun sa-mula, maka hendak-lah ada fasal² dan bab² yang sa-suai untuk melindungi kepentingan sasterawan, seniman dan wartawan² itu di-dalam zaman perkembangan seni dan sastera negara kita pada masa ini. Tuan Pengerusi, saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri, di-dalam undang² hak cipta yang baharu itu di-jelaskan tentang ta'arif yang terang siapa-kah penchipta itu, sebab undang² yang lama itu tidak lengkap. Masa-lah ini ada-lah masalah yang penting. Di-dalam sa-tengah² negara, Tuan Pengerusi, di-Amerika Sharikat umpama-nya, soal kewarganegaraan sa-saorang penchipta atau penggubah itu ada-lah di-jelaskan di-dalam undang² copyright atau undang² hak

cipta di-negara itu. Saya mengshorkan, Tuan Pengerusi, di-dalam undang² hak cipta kita yang akan disusun itu kelak harus-lah kita ambil pandangan² yang pernah di-masokkan di-dalam undang² hak cipta di-Amerika Sharikat. Umpama-nya, di-dalam undang² hak cipta di-Amerika Sharikat di-jelaskan bahawa penchipta itu:

- (a) Harus sa-orang warganegara Amerika Sharikat, atau
- (b) Orang asing yang bertempat tinggal di-Amerika Sharikat pada waktu penerbitan pertama buku itu, atau
- (c) Warganegara dari sa-suatu negara dengan mana Amerika Sharikat telah membuat sa-suatu perjanjian mengenai hak cipta.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan juga kepada Kementerian ia-itu memasokkan di-dalam undang² baharu itu tentang peratoran hak di-dalam membanyakkan sa-suatu hasil cipta dan hak meminda sa-suatu hasil cipta, hak mensandiwara-radiokan umpama-nya hasil sa-suatu ciptaan dan juga hendaklah di-jelaskan di-dalam undang² itu soal bagaimana sa-suatu perlanggaran hak cipta, hukuman kepada plagiarist atau penchurian karangan orang lain atau hak cipta orang lain dan juga hendaklah di-jelaskan dalam undang² itu bagaimana-kah tentang masa hak cipta sa-saorang itu, umpama-nya sa-sudah sa-saorang itu mati sa-lepas 50 tahun atau sa-bagai-nya. Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya shorkan kepada Kementerian menchatitkan juga di-dalam undang² hak cipta itu soal hak cipta sa-saorang penchipta dengan luar negeri, sebab telah pernah di-adakan berbagai convention di-dalam dunia antara-bangsa mengenai soal hak cipta itu. Kita hendaklah mensasuaikan dengan peratoran² international umpama-nya, peratoran² yang telah terchapai dan yang di-putuskan di-dalam Berne Copyright Convention, 1948 dan Universal Copyright Convention, 1952. Saya shorkan juga, Tuan Pengerusi, di-dalam undang² hak cipta yang baharu itu hendaklah di-jelaskan bagaimana-kah sa-kira-nya sa-saorang

penchipta itu hendak menyerahkan hak-nya kapada sa-orang yang lain atau pun kapada satu² badan dan sharikat yang lain. Bagitu juga, hak mengumumkan hasil karya atau pun hasil ciptaan atau gubahan sa-saorang penchipta itu.

Tuan Pengerusi, di-dalam soal ini saya shorkan kapada Kementerian memikirkan untuk mengadakan di-dalam Kementerian suatu pejabat yang khusus menjaga soal-hak cipta ini, kerana sa-bagaimana yang di-ketahui Amerika Sharikat umpama-nya, ada mempunyai satu pejabat yang dinamakan Copyright Office atau pun Bureau Hak Cipta yang khusus menjaga soal² dan yang berthabit dengan soal hak cipta itu.

Bagitu juga, Tuan Pengerusi, ingin saya sarankan kapada Menteri yang bersangkutan supaya apabila satu undang² hak cipta baharu ini hendak di-laksanakan untuk melindungi kepentingan kaum seniman, sasterawan dan wartawan ini di-adakan, maka fikiran dan shor² dari Persatuan Penulis² dan, Persatuan Wartawan hendaklah diminta fikiran mereka itu.

Enche' Abdul Aziz bin Ishak: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas masalah Tanam Sa-mula Getah. Kita sudah menanam sa-mula getah ini sudah lama lebih kurang tujuh lapan tahun. Sekarang baharu-lah kita tahu ada baka² getah yang di-janjikan oleh Kerajaan sa-bagai baka yang mengeluarkan hasil yang banyak, betul atau tidak. Di-kawasan saya, Kuala Langat dan juga di-kawasan² lain sekarang yang mana kita telah menanam sa-mula enam tujuh tahun dahulu itu hasil-nya baharu-lah kita nampak.

Pada masa saya dalam Jema'ah Menteri dahulu, banyak kali saya ingatkan ya'ani contractor yang menjual baka² getah untuk Rancangan Menanam Sa-mula, kerap kali bagi pekebun² kecil daripada dua ekar, tiga ekar sampai sepuluh ekar yang kebanyakan-nya orang² Melayu, di-beri baka getah, bukan yang di-janjikan oleh Kerajaan. Baka yang di-beri itu baka yang ta' baik, sekarang baharu-lah timbul ya'ani apabila di-toreh getah

itu di-dapati lebih kurang 300 pound, sa-banyak²-nya 400 pound. Itu sa-rupa-lah baka macham getah kita yang lama, yang tua-nya pokok empat lima puluh tahun dahulu itu. Baka² yang baik yang biasa di-tanam oleh estate² yang sederhana lima puluh atau enam puluh ekar, atau sa-ratus ekar, contractor² memberi baka² yang benar, yang betul, yang mengeluarkan hasil di-antara 1,200 pound hingga 1,500 pound satu ekar. Jadi, orang² Melayu yang ta' ada pengalaman, yang kurang tahu ia-lah orang² kampung, kebanyakan-nya saya fikir sekarang mula-lah nampak. Tetapi saya fikir dalam masa dua tiga tahun akan datang lebih banyak lagi pula; bukan pula di-kawasan saya sahaja bahkan kawasan di-mana² pun di-seluruh Malaya. Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini akan di-temui oleh wakil² mereka dalam masa-lah yang besar ini. Jadi, ada-kah Kementerian Perdagangan satu senarai contractor² yang dahulu mengeluarkan beneh² getah ini enam tujuh tahun dahulu. Ada-kah boleh kita tuntutan? Ada-kah boleh kita da'awa di-Mahkamah, atau di-mana² pun? Jikalau oleh kerana tipu helah mereka orang² kampung tertipu oleh kerana baka² yang di-janjikan itu tidak di-beri? Ini satu perkara yang akan timbul di-belakang hari kelak, sekarang pun sudah timbul. Hanya yang biasa saya tahu, Tuan Pengerusi, apabila pekebun² kechil itu membayar lebih sedikit sugu hati, mereka boleh dapat baka² yang di-janjikan itu. Tetapi orang yang ta' berani, yang ta' ada duit, yang ta' ada modal, ah itu aniaya-lah dia.

Ini saya hendak ingatkan dan saya minta akuan daripada Yang Berhormat Menteri² Perdagangan dahulu dan sekarang, boleh-kah kita tuntutan? Kerana mereka tentu ada senarai² contractor² lima, enam, tujuh, lapan tahun dahulu dan sa-patut-nya orang yang sa-macham ini di-da'awa dan membayar ganti rugi kepada pekebun² kechil yang sudah menanam sa-mula, tetapi hasil-nya tidak memuaskan, oleh kerana baka yang di-beri bukan baka yang di-janjikan.

Enche' Liu Yoong Peng (Rawang):
Mr Chairman, Sir, I would like to speak on Head S. 13, Sub-head 1,

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Minister of Commerce and Industry), as I find that the work of the Minister needs some discussion.

Sir, the first point I want to raise is that, so far as his work as Minister of Commerce and Industry is concerned, the most important problem that faces our country now is in regard to the price of rubber and, in general, the price of primary products. On this question of primary products it has been a fact for many years now that, although the production of primary commodities in developing countries is increasing, the prices of these primary products are dropping, so that even if we catch up with the scale of production, we cannot get as much money for the increase in production. The main reason for this, as I see it, is that there is a lack of co-operation among primary producing countries; and it is because of this that the industrial countries are able to exploit this situation and are able to pay lesser prices for the primary products. For instance, if we try to raise the price of rubber, then the American industrialists will buy from Indonesia, and maybe Indonesia is willing to sell her rubber at a lesser price. So far as this goes, then Malaya is bound to offer rubber at a price competitive with that of Indonesia, and in this way the circle goes on with the result that the price of rubber will decrease far more than it should have been if we have co-operation among the producers.

Sir, I can quite appreciate that the whole situation is not entirely within the control of the Minister; but nevertheless, I think, our Minister should impress upon the Governments of other countries, which are primary commodity producing countries, especially in South-east Asia, the desirability that they should co-operate as much as possible to see to it that they can have a scheme whereby they can more or less decide on certain prices for their primary products. In this way, these primary producing countries can strengthen their bargaining power vis-a-vis the industrial countries, the big buyers of the world.

Unless this is done, the price of rubber will fall further and further, and we will not be able

Mr Chairman: Order, order. We have already debated on the general policy of the service. Now we are debating the policy of the service for which the money is to be provided. It seems you are going back to the general policy. You should not do that. If you want to do it by way of suggestion, I can allow that, but you should not make that as a point in issue. Please proceed.

Enche' Liu Yoong Peng: Thank you, Sir. I can appreciate your remark, but we had very little chance to talk about trade and commerce so far. In this case, it is a very important point concerning this particular Minister. So, I have taken a little liberty, but I will confine myself more specifically now. The point I am raising is that the Minister should try to get as much co-operation as possible from the trade sections of the Governments of South-east Asian countries in order to bring about a more stable price for primary products.

Sir, the second point I want to raise is this. We know that as a whole the balance of trade of our country is to our favour, but because of the large withdrawal of profit by the companies, which have their capital abroad, the whole balance is not quite to our favour. So, in order to remedy this, one of the ways would be to increase our trade abroad. Although I can see that the Minister has taken steps now to send trade missions to the European and Eastern European countries—he said he will have more trade missions established in the many other European countries—I think the time has come for us to consider that where trade is concerned, we should not think too much in terms of politics. We know that the countries—for instance, Australia—which have not recognised Communist China also trade with Communist China, and many other countries are able to overlook the question of politics, when the question of profit comes in

Mr Chairman: Order, order. Under what item are you talking?

Enche' Liu Yoong Peng: The work of the Minister.

Mr Chairman: We have done that during the debate on the general policy. Now we are debating on the service for which the money is provided. If you can point out any of the items in these estimates, I would allow you to do that. If you were to touch again on the general policy, you can only do that by way of suggestion, which I can allow you, but not to make that as a point of issue and debate on it.

Enche' Liu Yoong Peng: Yes, Sir. I am merely making a suggestion. I am not making it a point of issue, because I know our Minister is a very strong-minded person (*Laughter*) and there is no chance of my making an issue of this matter.

So far as this is concerned, we should have more trade relations with other countries, irrespective of their political ideology. We can even establish a sort of permanent trade offices in the communist countries and allow them to have such things too in Malaya for the sake of promoting trade. Otherwise, at this rate, we are not catching up with our export trade, and in so far as foreign companies that have established their factories here, they are withdrawing large sums of money abroad and very soon we will be running at a very big deficit in terms of balance of trade and balance of payment. Although the Government is trying to balance it up by way of loans, I would say that is not a very good thing in the long run. Another way to redress the balance of this trade, I think, is to restrict certain types of imports into our country: for instance, there is a lot of luxury items being imported into our country, items like cosmetics—Max Factor powder and those sorts of things which are very expensive items—and I think these can be cut down and our people should have more resources themselves and should be able to produce their own cosmetics, local patriotic cosmetic powder and so on, so as to balance up

such things. In this way, we will be able to cut down some of the money that would be spent wastefully to buy such items from abroad.

Of course, the biggest thing we should try to cut down in the long run is the importation of rice—that may not be the concern of this Ministry, but any way that is what we should like to see in the long run: that when we produce more rice, we should cut down those items as well. That is all I want to speak on.

Enche' Harun bin Pilus (Trengganu Tengah): Tuan Pengerusi, saya suka menarek perhatian berkenaan dengan Rancangan Menanam Sa-Mula Getah. Dalam hal ini saya hendak berchakap berkenaan dengan kesulitan kapada pekebun kecil di-Pantai Timor ia-itu chara pegawai itu memereksa kebun mereka itu amat-lah terlalu mendukachitakan, kerana selalu salah programme yang di-tetapkan pegawai itu manakala hendak pergi memereksa kebun pekebun² kecil itu. Mithal-nya di-tetapkan hari ini tetapi sa-sudah sa-minggu atau sa-bulan baharu dia melawat. Maka dengan kerana itu manakala pegawai itu melawat kebun itu di-dapati tidak memuaskan, sebab kebun itu sudah semak sa-mula. Jadi, di-sini tergendala-lah pekebun kecil itu mendapat bantuan wang yang di-janjikan oleh Kerajaan itu.

Sa-perkara lagi berkenaan dengan benih getah yang di-beri kapada pekebun kecil itu, sa-bagaimana yang di-terangkan oleh wakil dari Kuala Langat tadi ada-lah benar. Selalu-nya pekebun kecil menerima anak getah yang sudah kering, maka bila di-tanam tentu-lah anak getah itu tidak jadi subur. Maka perkara ini amat-lah berlawanan dengan orang yang berkebun besar, sebab mereka dapat semua kemudahan daripada pehak Pegawai Menanam Sa-Mula. Maka dengan itu, Tuan Pengerusi, saya minta-lah Menteri yang berkenaan ini untuk memerhatikan dengan sabaat²-nya bagi membaiki nasib pekebun kecil, terutama sa-kali di-Pantai Timor, negeri yang begitu mundor, dan orang kampung yang berkebun kecil itu tidak begitu faham dengan chara atoran² yang di-kehendaki oleh

Kerajaan. Sa-kian-lah sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kaseh.

Enche' Lim Joo Kong (Alor Star): Mr Chairman, Sir, I rise to give my full support to this Supply Bill for this Ministry. In doing so, I wish to point out that I have tried to say something about padi when we were debating on the former items concerning agriculture and co-operatives, but I regret I could not get the chance to do so. Now, I shall do it the other way round under Sub-heads 116 and 117—through the Ministry of Commerce and Industry in the form of rice ready for commerce and consumption, instead of padi in its raw form.

Sir, our country has imported approximately 40 per cent of our people's staple food, rice, from abroad. My State, Kedah, can be proud of being the supplier of more than, or approximately, half of the 60 per cent rice produced in our country. Rice, though it is unlike rubber and tin which help to bring into our country foreign exchange, on the other hand it is equally important, because it helps to keep our money from flowing into foreign pockets. Kedah plays a very important role in this respect, because annually Kedah produces approximately 5,000,000 pikuls of padi—round about 200,000 tons of rice.

Sir, I wish to take this opportunity to sound a timely warning to Honourable Ministers and Honourable Members of this House in that rain came rather late this year and seemed to have stopped quite early—there has not been even a drop of rain north of Gunong Jerai for the past one week. From past experience, the only rain which we can expect is within these few days, just before the coming of the full moon, or the next high tide before the end of the month. This is going to be the starting point of the coming drought in Kedah. The direction of the wind in Kedah is still east and south-east in the evening, which means that the condition of the atmosphere is quite moisture laden before the coming dry north wind which will start in about half-a-month's time or so. Therefore, I hope the Honourable Minister will try to do everything possible to

help bring water to Kedah to help our country produce the much needed rice.

Sir, if we can actually create artificial rain, as it was claimed in Singapore and Hong Kong, then I feel, and I recommend, that it is high time now for us to do it straightaway—as the English proverb says, “A stitch in time saves nine”. Otherwise, all our efforts and endeavours in supplying the Taiwan seeds and spending so much money in helping the farmers would be just wasted.

Sir, if we can save half the yield, it would mean a saving of 2,500,000 pikuls of padi at \$16 per pikul, which is equivalent to nearly \$40,000,000 for the country—quite a large amount of money. So, Sir, I think it would be much wiser now to help the rice producers rather than to give them relief when they are in distress. Thank you, Sir.

Enche' Mohamed bin Ujang (Jelebu-Jempol): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih, kerana saya dapat peluang berchakap pada pagi ini . . .

Mr Chairman: Ta' payah-lah!

Enche' Mohamed bin Ujang: Sebelum saya mulakan ucapan saya, Tuan Pengerusi, saya suka memberi pandangan saya berkenaan dengan satu perkara yang telah di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari PAS tadi ia-itu berkenaan dengan pekerjaan pegawai² yang memereksa tanah² getah yang sudah di-siapkan untuk di-tanam sa-mula. Saya mendapat faham, Tuan Pengerusi, ia-itu maksud-nya memereksa kebun² getah itu sama ada boleh, atau pun tidak di-beri bantuan², ia-lah supaya kebun² getah itu sempurna di-buat, berseh pada bila² masa sahaja, bukan-nya pada masa orang hendak memereksa sahaja, dan saya lebih suka-lah, kalau sa-kira-nya chara pemereksaan kebun² getah itu di-buat dengan chara mengejut, dengan tidak tahu oleh tuan tanah itu sendiri, dan pada masa itu tahu-lah kita sama ada tanah itu berseh atau tidak, kerana maksud kita ia-lah berkehendakkan tanah itu berseh dan ini ada-lah untuk faedah mereka itu sendiri.

Kemudian, saya suka hendak menyentoh sedikit berkenaan dengan anggaran wang yang di-untukkan pada muka 104, Butiran (21), (22), dan (23)—Bahagian Urusan Melayu. Tuan Pengerusi, saya fikir ini ada-lah satu perkara yang penting, kerana soal penyertaan orang² Melayu dalam lapangan perniagaan ini telah pernah di-binchangkan dan pernah di-soalkan, dan pernah di-bahathkan dalam Dewan ini, tetapi sa-hingga ini saya tidak berpuas hati atas kemajuan yang telah di-dapati. Saya faham dalam masharakat kita yang sa-umpama ini ia-itu masharakat kita yang berbilang bangsa, kedudukan dalam lapangan perniagaan ini sa-boleh²-nya hendaklah di-usulkan supaya sa-imbang dudok-nya. Tidak-lah akan aman negeri ini, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya orang² Melayu tidak dapat mengambil bahagian dengan sa-baik²-nya, atau pun baik sedikit pada hari ini, kalau ta' jauh kurang-nya kurang sedikit daripada bangsa lain dalam negeri ini, maka negeri ini tidak akan mendapat aman, kerana perasaan tidak puas hati akan timbul dan akan timbul daripada satu masa ka-satu masa juga.

Pada masa yang telah lepas, pernah juga di-shorkan di-sini dan di-seru di-sini supaya ahli² perniagaan kita yang terdiri daripada orang² bukan Melayu untuk memberi kerjasama mereka supaya orang² Melayu ini di-beri peluang dan di-ambil bekerja dan sa-bagai-nya oleh mereka² yang bukan Melayu dalam pekerjaan, tetapi sa-hingga ini, Tuan Pengerusi, seruan sa-umpama itu maseh tinggal seruan juga lagi dan keadaan orang² Melayu maseh begitu juga lagi. Jadi, saya sendiri, Tuan Pengerusi, telah memikirkan perkara ini dengan panjang dan putus-nya saya memikirkan sa-kira-nya soal hendak memberi peluang kepada orang² Melayu mengambil bahagian dalam lapangan perniagaan ini, jikalau tidak dikenakan dengan satu undang², maka perkara ini akan tinggal sampai bagini sahaja, sampai bila² pun. Jadi, saya minta-lah pada Kerajaan, khas-nya pada Menteri yang berkenaan supaya memikirkan satu undang² di-buat untuk memberi peluang kepada orang²

Melayu ini mengambil bahagian yang sa-patut-nya dalam lapangan perniagaan dalam negeri ini, dan undang² itu, Tuan Pengerusi, jangan-lah pula mengenakan, atau merampas hak yang ada pada bangsa lain itu, melainkan kita membuat satu undang² bagi kepentingan orang² Melayu supaya dengan itu dapat-lah orang² Melayu mengambil bahagian yang sa-elok²-nya dan sa-baik²-nya dalam lapangan perniagaan ini.

Tuan Pengerusi, saya telah dengar juga sa-buah Jawatan-Kuasa dan sa-bagai-nya telah di-lantek berkenaan dengan perkara ini, tetapi saya maseh juga menunggu lagi, apa-kah keputusan yang akan di-buat berkenaan dengan perkara ini. Itu-lah yang saya minta penjelasan dari Menteri yang berkenaan supaya dapat memberi penerangan dalam Dewan ini kelak, apa-kah ranchangan, sa-jauh manakah kemajuan yang telah dapat di-buat berkenaan dengan soal ini.

Sekarang saya pergi pada muka 104 juga, ia-itu Butiran (1)—Menteri Perdagangan dan Perusahaan peruntukan sa-banyak \$36,000 sa-tahun. Ini, Tuan Pengerusi, dalam menerangkan tugas ini, saya berpendapat, dalam negeri ini, sa-takat ini, ada berapa banyak saudagar², atau pun company² dari luar negeri yang telah di-beri taraf perintis untuk menjalankan perniagaan dalam negeri ini, oleh kerana perniagaan, atau unsur yang sa-umpama itu dapat di-galakkan dalam negeri ini, tetapi dalam memberikan taraf perintis ini, kita hendak-lah memikirkan juga faedah-nya kepada orang² kita sa-lain daripada faedah negeri seluruh-nya . . .

Mr Chairman: Time is up.

House resume.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya hendak memberitahu pada

Majlis ini ia-itu Majlis ini bersidang sa-bagai Jawatan-Kuasa telah menimbankan sa-hingga Kepala 13 di-dalam Anggaran Belanjawan tahun 1964.

ADJOURNMENT

(Motion)

The Minister of Transport (Dato' Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan ia-itu berhubung dengan kerja² yang sekarang sedang di-jalankan dalam Dewan ini di-tanggohkan sampai besok pagi dan Dewan ini sekarang di-tanggohkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli² Yang Berhormat sekalian telah pun menerima jemputan, kerana meresmikan Pembukaan Pelabohan Port Swettenham yang baharu oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada jam 4.30 petang ini, dan oleh kerana itu, pahak Kerajaan meminta sa-berapa ramai bahkan semua sa-kali Ahli² Yang Berhormat supaya Ahli² Yang Berhormat dapat menyaksikan bersama, dan juga pada malam ini, saya juga mendapat tahu jemputan telah di-edarkan kepada Ahli² Yang Berhormat semua sa-kali hadhir di-Istana Negara, kerana Jamuan Malam. Maka oleh kerana memberi peluang kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah bekerja bagitu hibat beberapa hari ini, maka saya chadang saperti mana yang di-chadangkan tadi.

The Minister of Education (Tuan Haji Abdul Hamid Khan): Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

Ia-itu berhubung dengan kerja² yang sekarang sedang di-jalankan dalam Dewan ini di-tanggohkan sampai besok pagi dan Dewan ini sekarang di-tanggohkan.

Adjourned at 12 o'clock noon.